adalah sebagai tempat rujukan, pendaftaran, kaunter untuk mengemaskini maklumat dan tuntutan insentif. Program dilaksanakan secara tahunan;

- (ii) **Bengkel Kraf Kreatif & Penjanaaan Pendapatan** yang diadakan dengan kerjasama agensi Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (BPPBPP) bagi mengajar kemahiran seperti sulaman, kraftangan atau kemahiran industri kraf kreatif;
- (iii) **Program Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT (iBITA)** yang dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUKPP) melalui Pejabat Daerah dan Tanah. Pusat Khidmat ADUN berperanan menerima dan mengesahkan dokumen sokongan (yang memerlukan pengesahan oleh ADUN atau wakil) bagi permohonan iBITA;
- (iv) **Program Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang (ePPN)** oleh Lembaga Biasiswa dan Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang. Pusat Khidmat ADUN berperanan sebagai rujukan atau pusat maklumat untuk permohonan pinjaman pendidikan tinggi negeri walaupun permohonan kini dibuat secara dalam talian (online) melalui sistem ePPN (dikemaskini pada 2023);
- (v) **Taklimat Pembaharuan Semula Bandar (PSB)** oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memberi taklimat atau perbincangan dengan penduduk perumahan awam mengenai projek-projek pembaikan atau pembangunan semula (*redevelopment*);
- (vi) **Program Penyaluran Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)**. Pusat Khidmat ADUN menjadi lokasi rujukan dan pengesahan untuk permohonan pelbagai skim bantuan zakat termasuk Bantuan Binaan Rumah (Skim Inapan Kasih) untuk Asnaf Fakir/Miskin;

- (vii) **Kempen Kesedaran Hijau Komuniti** oleh Penang Green Council (PGC) dengan tujuan pengurangan plastik sekali guna atau pertandingan komuniti hijau di peringkat Jawatankuasa Pembangunan Komuniti (JPK);
- (viii) **Program Keterangkuman Digital** oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Pusat Khidmat ADUN membantu dalam mengenal pasti lokasi yang sesuai dan mempromosikan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di bawah inisiatif Kerajaan MADANI untuk memastikan komuniti mendapat akses kepada kemahiran digital dan internet;
- (ix) **Kempen Keselamatan Komuniti (Rukun Tetangga)** oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Pulau Pinang. Pusat Khidmat ADUN bekerjasama dengan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)/Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk menganjurkan ceramah keselamatan, pencegahan jenayah atau gotong-royong; dan
- (x) Pelbagai lagi program/aktiviti demi kesejahteraan masyarakat di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

9. Senaraikan 25 bandar baharu dan 10 bandar yang diperluas seperti diwartakan 4 September 2025.
- (a) Apakah implikasi fiskal kepada rakyat hasil pengisytiharan bandar-bandar ini?
 - (b) Berapakah anggaran hasil tambahan kepada PBT / Negeri?
 - (c) Apakah mekanisme perlindungan kepada golongan rentan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. 10 Bandar sedia ada yang diperluaskan seperti yang diwartakan pada 4 September 2025 adalah:
- (1) Sungai Bakap, SPS
 - (2) Nibong Tebal, SPS
 - (3) Nibong Tebal, SPT
 - (4) Kepala Batas, SPU
 - (5) Butterworth, SPU
 - (6) Bayan Lepas, DBD
 - (7) Balik Pulau, DBD
 - (8) Batu Ferringgi, DTL
 - (9) Tanjong Bungah, DTL
 - (10) George Town, DTL

25 Bandar baharu seperti yang diwartakan 4 September 2025 adalah:

- (1) Jawi, SPS

- (2) Bandar Cassia, SPS
- (3) Simpang Ampat, SPS
- (4) Bandar Tasek Mutiara, SPS
- (5) Alma, SPT
- (6) Bukit Minyak, SPT
- (7) Bukit Tengah, SPT
- (8) Bandar Perda, SPT
- (9) Seberang Jaya, SPT
- (10) Sungai Dua, SPU
- (11) Teluk Air Tawar, SPU
- (12) Bertam, SPU
- (13) Tasek Gelugor, SPU
- (14) Pokok Sena, SPU
- (15) Ara Kuda, SPU
- (16) Bayan Baru, DBD
- (17) Batu Maung, DBD
- (18) Sungai Ara, DBD
- (19) Pulau Silikon, DBD
- (20) Bukit Jambul, DTL
- (21) Puncak Penara, DTL
- (22) Perdana Mutiara, DTL
- (23) Pinang Emas, DTL
- (24) Bayu Emas, DTL
- (25) Lembah Permai, DTL

- (a) Pengisytiharan peluasan bandar dan bandar-bandar baharu akan menyebabkan kenaikan kadar cukai tanah selaras dengan kadar cukai baharu yang diwartakan pada 11 September 2025. Selain itu, pengisytiharan peluasan bandar dan bandar baharu turut akan membolehkan pemilik tanah di kawasan bandar memanfaatkan peningkatan nilai tanah masing-masing, seiring peningkatan kadar cukai baharu tersebut.
- (b) Anggaran hasil tambahan kepada Negeri melalui semakan cukai tanah dan pengkelasan semula tanah desa dan bandar adalah sekitar RM80-100 juta selepas pemberian rebat antara 20%-32.5% mulai tahun 2026-2028. Ini adalah tambahan kepada kutipan cukai tanah sedia ada iaitu RM140-145 juta setahun.
- (c) Mekanisma perlindungan kepada golongan rentan adalah:

- (i) Pelaksanaan *rebate* cukai tanah secara berfasa dalam tempoh 3 tahun awal pelaksanaan (2026-2028);
- (ii) Pengecualian 100% tunggakan denda cukai tanah dan cukai petak pada tahun pertama pelaksanaan; dan
- (iii) Diskaun premium bagi permohonan tukar kategori dan syarat nyata.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

10. Apakah tindakan yang diambil terhadap peniaga yang berniaga di atas bahu jalan hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas, khususnya di kawasan bandar?
- (a) Bagaimana PBT mengurus aduan penduduk berkaitan gangguan trafik?
 - (b) Senaraikan lokasi yang telah diambil tindakan oleh pihak PBT.
 - (c) Apakah pelan jangka panjang untuk penyusunan semula lokasi perniagaan?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

10. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa memberi perhatian terhadap isu penjajaan di kawasan tumpuan awam yang berpotensi menjejaskan kelancaran trafik dan imej bandar.

Bagi mengatasi isu peniaga yang menjalankan perniagaan di atas bahu jalan sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:-

- (i) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga tanpa lesen yang menyebabkan halangan dan kesesakan lalu lintas;

- (ii) Mengeluarkan notis atau kompaun kepada peniaga tanpa lesen serta mengarahkan mereka menghentikan aktiviti perniagaan dengan serta-merta;
 - (iii) Menjalankan operasi penguatkuasaan dan rampasan terhadap peniaga yang masih berdegil meneruskan aktiviti perniagaan di kawasan larangan; dan
 - (iv) Menempatkan semula peniaga ke gerai atau tapak perniagaan milik PBT yang lebih tersusun, selamat dan menawarkan kadar sewaan yang berpatutan.
- (a) PBT mengurus aduan penduduk berkaitan gangguan trafik melalui pelaksanaan beberapa tindakan seperti berikut:-
- (i) Melaksanakan tindakan menunda kenderaan yang menghalang laluan utama;
 - (ii) Mengeluarkan notis pelanggaran dan kompaun di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] terhadap mana-mana pihak yang menyebabkan halangan awam dan gangguan trafik; dan
 - (iii) Menambah kawalan lalu lintas dengan melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan, antaranya mengecat garisan kuning sebagai tanda larangan parkir di bahu jalan serta melukis petak kuning di simpang utama bagi mengelakkan halangan lintasan dan memastikan kelancaran aliran trafik.
- (b) MBPP telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara menyeluruh terhadap peniaga yang menjalankan perniagaan di atas bahu jalan di seluruh kawasan pentadbirannya. Manakala bagi kawasan di bawah pentadbiran MBSP pula, tindakan penguatkuasaan turut dilaksanakan di beberapa lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan aktiviti perniagaan di atas bahu jalan iaitu seperti berikut:-
- (i) Bertam Putra;
 - (ii) Tasek Gelugor Utama;

- (iii) Masjid Seberang Jaya;
 - (iv) Bandar Sunway;
 - (v) Teluk Air Tawar;
 - (vi) C-Mart Nibong Tebal;
 - (vii) Jawi Jaya;
 - (viii) Perkampungan Jawi; dan
 - (ix) Bandar Perda
- (c) Kedua-dua PBT turut melaksanakan pelan jangka masa panjang yang merangkumi inisiatif seperti penempatan semula penjaja secara berperingkat, pelaksanaan program pemutihan penjaja melalui banciaan dan sistem penandaan (*tagging*), pembangunan kompleks penjaja moden dengan kemudahan yang lebih lengkap serta penambahbaikan dasar dan pelan tindakan dari semasa ke semasa.

Selain itu, kedua-dua PBT juga sedang meneliti serta melaksanakan proses penempatan semula penjaja tanpa lesen, khususnya di kawasan yang dikenal pasti menyebabkan kesesakan lalu lintas. Peniaga yang terlibat turut dijemput menghadiri sesi temu duga bagi mengisi kekosongan gerai dan tapak penjaja milik PBT.

Langkah-langkah ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan persekitaran penjajaan yang lebih tersusun, selamat dan kondusif, di samping memastikan kebajikan penjaja terus terpelihara serta kelancaran aliran trafik di kawasan bandar dapat dikekalkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

11. Berapa banyak lesen penjaja sementara (LPS) telah dikeluarkan dari tahun 2022 hingga 2025 mengikut daerah dan bangsa?
- (a) Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan LPS dalam menangani isu penjaja tanpa kebenaran?
 - (b) Adakah LPS akan ditukar kepada lesen tetap selepas penilaian?
 - (c) Bagaimana pemantauan dijalankan bagi memastikan LPS tidak disalahgunakan?
 - (d) Apakah justifikasi pemberian LPS?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

11. Di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), sebanyak 146 lesen Tapak Penjaja Sementara (TPS) telah dikeluarkan oleh MBPP dari tahun 2022 sehingga 2025. Perincian lesen TPS mengikut daerah dan bangsa adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Manakala pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mengeluarkan Lesen Penjaja Sementara (LPS).

- (a) Keberkesanan pelaksanaan TPS dalam menangani isu penjaja tanpa kebenaran adalah seperti berikut:

(i) Lokasi perniagaan yang teratur dengan penyediaan TPS secara berpusat

Dengan penyediaan TPS secara berpusat, penjaja yang sebelum ini berniaga di tepi jalan atau kawasan larangan dapat dipindahkan ke lokasi yang sah dan strategik;

(ii) Kebersihan tapak perniagaan dijamin melalui syarat kebersihan dan keselamatan makanan

Majlis menetapkan peraturan yang jelas berkenaan pengurusan sisa, kebersihan tapak dan keselamatan makanan; dan

(iii) Memberi peluang kepada penjaja kecil untuk menjalankan perniagaan

Pelaksanaan LPS membuka peluang kepada penjaja kecil untuk menjalankan perniagaan secara sah.

(b) Sehingga kini, pihak MBPP tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menukarkan lesen TPS MBPP kepada lesen tetap kerana lokasi TPS merupakan kawasan sementara yang berpotensi untuk dimajukan pada masa hadapan. Selain itu, TPS hanya dilengkapi dengan kemudahan asas berbanding dengan pasar dan kompleks perniagaan milik MBPP yang mempunyai kemudahan yang lebih lengkap.

(c) MBPP menjalankan pemantauan berkala di TPS milik MBPP dengan melaksanakan bancian peniaga serta memantau aktiviti perniagaan yang dijalankan di tapak tersebut.

(d) Justifikasi-justifikasi pemberian LPS oleh MBPP adalah seperti berikut:

(i) Membolehkan PBT mengawal aktiviti penjajaan tidak berlesen dengan lebih tersusun serta

memudahkan pemantauan terhadap lokasi, waktu operasi dan jenis jualan yang dijalankan;

- (ii) Kebanyakan penjaja tidak berlesen terdiri daripada golongan berpendapatan rendah. Oleh itu, pemberian LPS memberi peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan secara sah sementara menunggu penempatan di tapak tetap atau kelulusan lesen kekal; dan
- (iii) Lesen sementara digunakan sebagai langkah pemutihan bagi penjaja tidak berlesen sebelum penempatan ke tapak penjaja yang sah.

LAMPIRAN A**LESEN TAPAK PENJAJA SEMENTARA (TPS) DI KAWASAN
PENTADBIRAN MBPP MENGIKUT DAERAH DAN BANGSA**

TAHUN	DAERAH TIMUR LAUT			DAERAH BARAT DAYA			JUMLAH
	MELAYU	CINA	INDIA	MELAYU	CINA	INDIA	
2022	53	31	8	5	-	-	97
2023	-	1	-	3	2	-	6
2024	6	1	1	5	-	1	14
2025	10	11	1	7	-	-	29
JUMLAH	69	44	10	20	2	1	146

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

12. Berapakah jumlah dan jenis premis yang telah diserbu dan diarahkan tutup sejak tahun 2020 sehingga kini di Pulau Pinang?
- (a) Berapa banyak yang didapati beroperasi semula selepas tindakan diambil?
- (b) Apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh PBT untuk memastikan premis-premis tersebut tidak kembali beroperasi secara haram?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. **Perincian jumlah gerai makanan dan kedai runcit yang telah diserbu dan diarahkan untuk tidak beroperasi (tutup) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari tahun 2020 sehingga Oktober 2025 adalah seperti berikut:**

TAHUN	BILANGAN PREMIS		JENIS PREMIS
	MBPP	MBSP	
2020	335		Kedai/Gerai Makanan dan Kedai runcit
2021	153		
2022	250		
2023	252	71	
2024	679	180	
2025 (Sehingga Oktober)	788	108	
JUMLAH	2457	301	

- (a) **Jumlah premis yang didapati beroperasi semula selepas tindakan penguatkuasaan diambil dari tahun 2020 sehingga 2025 bagi kawasan MBPP adalah sebanyak 21 buah premis manakala di kawasan MBSP adalah sebanyak 10 buah premis.**
- (b) Antara langkah yang diambil untuk mengelakkan premis-premis berkenaan kembali beroperasi secara tidak sah adalah seperti berikut:
- (i) **Melaksanakan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa;**
 - (ii) **Melaksanakan hebahan pendidikan kepada orang awam** berhubung peraturan aktiviti perniagaan dan tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas kesalahan yang dilakukan melalui laman media sosial rasmi PBT;
 - (iii) **Melaksanakan program pemutihan penjaja atau program penempatan penjaja** di tempat-tempat baharu yang sesuai; dan
 - (iv) **Menjalankan kerja-kerja pembangunan landskap secara kekal** di kawasan berkenaan bagi mengelakkan ia **digunakan semula** sebagai tapak aktiviti perniagaan tidak berlesen.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

13. Senaraikan lot-lot tanah yang telah dirampas oleh Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 97 dan 100 KTN (Akta 828) di semua daerah Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Senaraikan sebab-sebab rampasan dibuat.
 - (b) Nyatakan bagaimana SOP rayuan dalam mendapatkan kembali tanah tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. Berikut adalah statistik tanah yang telah dirampas bawah Seksyen 97 dan 100 KTN (Akta 828) di semua daerah Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini:

DAERAH	TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2025
SPU	96
SPS	114
SPT	56
DTL	71
DBD	76
JUMLAH	413

- (a) Sebab perampasan dibuat adalah kerana pemilik tanah atau pihak berkepentingan atas tanah milik gagal menjelaskan cukai tanah yang ditetapkan walaupun notis pentadbiran dan Notis 6A telah dikeluarkan oleh PDT kepada tuan tanah. Proses perampasan ini juga

dilaksanakan selaras dengan Seksyen 97 dan 100 Kanun Tanah Negara (Akta 828).

- (b) SOP rayuan bagi mendapatkan kembali tanah tersebut adalah dengan mengemukakan surat permohonan pembatalan pelucuthakan kepada Pihak Berkuasa Negeri seperti yang tertakluk bawah Seksyen 133 KTN (Akta 828).

PBN boleh mengenakan penalti tidak melebihi enam kali ganda jumlah sewa yang tidak dibayar oleh pemilik asal tanah. Penalti ini dikenakan sebagai syarat untuk membatalkan pelucuthakan tersebut.

Hanya tuan tanah asal sebelum dilucuthak sahaja yang boleh memohon untuk pembatalan pelucuthakan ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

14. Senaraikan anak syarikat berkaitan GLC serta Badan Berkanun di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan ahli-ahli lembaga pengarah di atas.
 - (b) Nyatakan prestasi dan keuntungan semua syarikat dan Badan Berkanun tersebut sejak 2020 sehingga kini.
 - (c) Senaraikan syarikat yang mengalami kerugian dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. Terdapat tujuh belas (17) syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah seliaan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) GLC di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI).

Senarai keseluruhan lapan belas (18) GLC di bawah CMI dan SSI, berserta Badan-Badan Berkanun Negeri, adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Senarai ahli lembaga pengarah bagi lapan belas (18) GLC serta Badan-Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (b) GLC di bawah CMI dan SSI ini umumnya menjalankan aktiviti bukan berteraskan keuntungan (non-profit activities). Prestasi kewangan dan operasi bagi GLC

tersebut serta Badan-Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

- (c) Beberapa GLC mempunyai baki kewangan pada akhir tahun kewangan yang dibawa ke hadapan untuk digunakan pada tahun berikutnya. Secara umumnya, geran yang diterima digunakan bagi melaksanakan program-program serta menampung sebahagian daripada kos operasi syarikat.

Bagi mengatasi masalah kerugian yang dihadapi oleh GLC, Kerajaan Negeri akan memastikan peruntukan operasi yang mencukupi disediakan bagi pelaksanaan program dan aktiviti utama. Selain itu, GLC juga disyorkan untuk mengoptimumkan sumber melalui kerjasama antara satu sama lain, termasuk penggabungan aktiviti dan program bagi memberi manfaat yang lebih meluas kepada rakyat.

GLC turut digalakkan menjana dana alternatif melalui kerjasama strategik atau usahasama dengan pihak swasta bagi memastikan kelestarian kewangan jangka panjang.

SENARAI GLC DI BAWAH CMI DAN SSI

BIL.	NAMA GLC
CMI	
1.	Invest-In Penang Berhad
SSI	
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)
4.	George Town World Heritage Incorporated
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.
9.	Penang Science Cluster
10.	Penang Tech Centre
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.
13.	Penang FC Sdn. Bhd.
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCDC)
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.

SENARAI BADAN BERKANUN NEGERI

BIL.	NAMA
1.	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang

LAMPIRAN B

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH GLC DI BAWAH CMI DAN SSI

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
1.	Invest-In-Penang Berhad	<ol style="list-style-type: none"> 1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid 3. YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 4. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 5. YB Dato' Zabidah Binti Safar 6. YB Tuan Fahmi Bin Zainol 7. YB Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican 8. YB Tuan Goh Choon Aik 9. YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam 10. YB Puan Phee Syn Tze 11. YBhg. Dato' Aziz Bin Bakar
2.	George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)	<ol style="list-style-type: none"> 1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 3. YB Dato' Zabidah Binti Safar 4. YB Tuan Wong Hon Wai 5. YB Tuan Teh Lai Heng 6. YB Tuan Wong Yuee Harn 7. YBhg. Dato' Ir. Rajendran P. Anthony 8. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah
3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	<ol style="list-style-type: none"> 1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu 3. YB Tuan Lee Khai Loon 4. YB Tuan Wong Yuee Harn 5. YBhg. Dato' Lawrence Lim Hua Kwang 6. YBrs. Prof Madya Dr. Mohd Wira Mohd Shafiei 7. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 8. Encik Baylon Tham Wai Leong 9. Encik Tan Soo Siang 10. Puan Heng Yeh Shuan 11. Puan Kuan Yoke Lean

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	<ol style="list-style-type: none"> 1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 3. YB Dato' Zabidah Binti Safar 4. YB Dato' Hj Rashidi Bin Zinol 5. YB Tuan Zairil Khir Johari 6. YB Tuan Gooi Hsiao-Leung 7. YBhg. Dato' Ng Wan Peng 8. YBhg. Dato' Dr. Ooi Kee Beng 9. YBhg. Dato' Tang Ching Siang 10. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 11. YBrs. Dr. Iza Fazlan 12. Encik Thillai Raj T. Ramanathan
5.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC Sdn. Bhd.)	<ol style="list-style-type: none"> 1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid 3. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 4. YB Zairil Khir Johari 5. YB Tuan Woo Sze Zeng 6. YBhg. Dato' Seri Haji Ahmad Bin Ismail
6.	George Town Conservation And Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC Sdn. Bhd.)	<ol style="list-style-type: none"> 1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Tuan Wong Hon Wai 3. YB Tuan H'ng Mooi Lye 4. YBhg. Dato' Ir. Rajendran A/L P. Anthony 5. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 6. Puan Zahidah Binti Abd Jalil 7. YBhg. Dato' Hamdan Bin Abdul Majeed 8. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 9. Puan Fizulin Binti Mohamed Zin

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
7.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Tuan Gooi Zi Sen 2. YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam 3. YB Tuan Wong Yuee Harnng 4. YB Tuan Woo Sze Zeng 5. YB Puan Tan Hooi Peng 6. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 7. Encik Muhamad Khairul Bin Mohd Ali 8. Encik Ahmad Zaki Shah Bin Shah Headan 9. Encik Muhammad Fadzil Bin Roslan 10. Encik Chong Wei Hoong
8.	PWDC Sdn. Bhd.	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Puan Lim Siew Khim 2. YB Puan Heng Lee Lee 3. YB Puan Tan Hooi Peng 4. YB Puan Phee Syn Tze 5. Yb Tuan Goh Choon Aik 6. YBhg. Dato' Seri Selvakumar A/L Shanmugam Chetty 7. YBhg. Prof. Dato' Dr. Noraida Endut 8. YBhg. Dato' Rohana Binti Abdul Ghani 9. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 10. Puan Aida Binti Yusof Rawa 11. Puan Nurhidayah Binti Che Rose
9.	Penang FC Sdn. Bhd.	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Tuan Gooi Zi Sen 2. YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam 3. YB Dato' Zabdah Binti Safar 4. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 5. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 6. Encik Muhammad Muashraf Bin Mohamed 7. Encik Mohd Faidrol Bin Mohd Radi

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
10.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid 2. YB Tuan Fahmi Bin Zainol 3. YB Dato' Hj Rashidi Bin Zinol 4. YB Dato' Zabidah Binti Safar 5. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 6. YBhg. Dato' Prof Dr. Noor Inayah Binti Ya'akob 7. YBhg. Dato' Ir. Haji Zamri Yusuf 8. YBhg. Datuk Hj Mohd Ridzwan Bin Bakar 9. Encik Zainuddin Mohamed 10. Encik Ariffin Bin Saidin 11. Encik Muhammad Anwar Hizam Bin Najji Mudin
11.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Puan Lim Siew Khim 2. YB Tuan Teh Lai Heng 3. YBhg. Dato' Seri Anwar Fazal 4. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 5. Puan Tan Huck Hong 6. Puan Jenny Liew Siew Yuen 7. Ybrs. Dr. Kuah Li Feng 8. Encik Tang Ah Chai 9. Encik Tharman A/L Anandan 10. Encik Arokiadas A/L Anthonymsamy 11. Encik Loo Boon Seng@Loo Keat Seng 12. Encik Lee Khai

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
12.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Tuan Wong Hon Wai 2. YB Dato' Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik 3. YB Tuan Joseph Ng Soon Siang 4. YB Puang Heng Lee Lee 5. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 6. YBhg. Dato' Albert Tan Sam Soon 7. YBhg. Dato' Tony Goh Nai Heng 8. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 9. Encik Clement Liang Chow Ming 10. Encik Kenneth Tan Teong Keen
13.	Penang Convention & Exhibition Bureau Sdn. Bhd. (PCEB Sdn. Bhd.)	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Tuan Wong Hon Wai 2. YB Tuan Lee Boon Heng 3. YB Tuan Wong Yuee Harnng 4. YBhg. Dato' Khoo Boo Lim 5. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah
14.	Penang Science Cluster	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 2. YB Tuan Goo Zi Sen 3. YB Tuan Ong Ah Teong 4. YBhg. Dato' Yoon Chon Leong 5. YBhg. Dato' Noorashidah Binti Ahmad 6. YBrs. Dr. Ng Chin Liang 7. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 8. YBhg. Dato' Chu Jenn Weng 9. Encil Selvam Chinappan 10. Encik Fu Yongji 11. Encik Dominic Chew

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
15.	Penang Tech Centre	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 2. YB Tuan Teh Lai Heng 3. YB Tuan Kumaresan A/L Aramugam 4. YB Dato' Zabidah Binti Safar 5. YBhg. Dato' Seri Wong Siew Hai 6. YBhg. Dato' Seri Ir. Lim Kok Khong 7. YBhg. Dato' Seri Tan Eng Kee 8. YBhg. Dato' Cheok Lay Leng 9. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 10. Encik Fong Hock Guan 11. Encik Lim Boon Soo 12. Encik Lim Yong Chiat 13. Encik Ang Lye Hin 14. Encik Tan Siew Jin 15. Puan Heng Charng Yee
16.	Penang STEM Sdn. Bhd.	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 2. YB Puan Tan Hooi Peng 3. YB Tuan Wong Yuee Harnng 4. YB Dato' Zabidah Binti Safar 5. YBhg. Dato Seri' Selvakumar A/L Shanmugam Chetty 6. YBhg. Dato' Loo Lee Lian 7. YBhg. Dato' Solomon Arulanandam A/L Lorthu 8. YBhg. Dato Chuah Choo Bin 9. YBhg. Dato Fong Swee Kiang 10. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah

BIL.	NAMA GLC	AHLI LEMBAGA PENGARAH
17.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	<ol style="list-style-type: none"> 1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 3. YB Dato' Zabidah Binti Safar 4. YB Dato' Wan Nor Sakina Binti Saad 5. YB Tuan H'ng Mooi Lye 6. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 7. YBhg. Dato' Ir. Rajendran A/L P. Anthony 8. YBhg. Dato' Baderul Amin Bin Abdul Hamid
18.	Penang AGROTECH Sdn. Bhd.	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Tuan Fahmi Bin Zainol 2. YB Dato' Hj Rashidi Bin Zainol 3. YB Tuan Woo Sze Zeng 4. YB Dato' Zabidah Binti Safar 5. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 6. YBhg. Dato Goh Cheng Liang 7. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah 8. Encik Khairil Ahmad Bin Kamil Ahmad 9. Encik Mohamad Kahirani Bin Abdul Shukor

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH BADAN BERKANUN NEGERI

BIL.	NAMA	AHLI LEMBAGA PENGARAH
1.	Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid 3. YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 4. YB Dato' Seri Haji Zulkifli Bin Long 5. YB Dato' Wan Nor Sakina Binti Saad 6. YB Dato' Zabidah Binti Safar 7. YBrs. Tuan Mohamed Bin Abdul Rahman 8. YBhg. Datin Bharathi A/P Suppiah

LAMPIRAN C

PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN SEMASA GLC DI BAWAH CMI DAN SSI
DARI TAHUN 2020 HINGGA 30 SEPTEMBER 2025

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
SSI					
1.	Invest-In-Penang Bhd.	2020	RM1,000,000.00	RM1,000,000.00 (PDC)	RM2,720,000.00
		2021	RM1,800,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,340,000.00
		2022	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,310,000.00
		2023	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,890,000.00
		2024	RM1,000,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,560,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM400,000.00	RM3,000,000.00 (PDC)	RM2,270,000.00
CMI					
2.	George Town World Heritage Incorporated	2020	RM3,200,000.00	Tiada	RM3,310,101.00
		2021	RM3,200,000.00		RM3,086,888.00
		2022	RM3,200,000.00		RM3,098,650.00
		2023	RM3,200,000.00		RM2,974,607.00
		2024	RM2,750,000.00		RM2,514,394.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,968,754.00		RM1,836,110.75
3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	2020	RM500,000.00	RM201,070.00	RM1,580,953.00
		2021	RM1,500,000.00	RM168,139.00	RM1,700,000.00
		2022	RM1,500,000.00	RM493,269.00	RM1,849,927.00
		2023	RM2,000,000.00	RM633,062.00	RM2,071,308.00
		2024	RM1,500,000.00	RM836,783.00	RM2,088,092.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,712,500.00	RM515,700.00	RM1,776,064.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2020	RM964,591.00	Tiada	RM738,935.00
		2021	RM2,905,578.00	RM59,700.00	RM2,466,792.00
		2022	RM3,929,634.00	RM17,000.00	RM2,853,206.00
		2023	RM4,500,000.00	RM402,800.00	RM4,273,206.00
		2024	RM5,375,800.00	RM42,100.00	RM6,446,822.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM2,462,500	RM1,675,000.00	RM2,296,279.00
5.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCDC)	2020	Tiada	Tiada	Tiada
		2021	Tiada	Tiada	Tiada
		2022	Tiada	Tiada	Tiada
		2023	Tiada	Tiada	Tiada
		2024	RM425,000.00	Tiada	RM31,194.55
		2025 (Sehingga 30 September)	RM382,500.00	Tiada	RM350,841.41
6.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	2020	RM5,135,350.00	Tiada	RM5,135,350.00
		2021	RM8,736,495.90		RM8,736,495.90
		2022	RM7,695,710.00		RM2,363,810.88
		2023	Tiada		RM3,208,968.51
		2024	RM4,000,000.00		RM4,390,442.80
		2025 (Sehingga 30 September)	RM4,000,000.00		RM3,271,703.74

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	2020	RM1,000,000.00	Tiada	RM863,223.00
		2021	RM1,000,000.00		RM810,116.00
		2022	RM1,500,000.00		RM2,035,775.00
		2023	RM1,500,000.00		RM1,618,779.00
		2024	RM1,500,000.00		RM1,369,267.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,350,000.00		RM945,501.00
8.	Penang Tech Centre	2020	RM650,000.00	RM854,679.03	RM2,422,734.64
		2021	RM752,000.00	RM1,510,055.67	RM1,882,285.54
		2022	RM850,000.00	RM2,235,579.41	RM3,007,689.99
		2023	RM850,000.00	RM3,239,343.28	RM4,037,180.93
		2024	RM850,000.00	RM2,555,380.07	RM3,379,163.20
		2025 (Sehingga 30 September)	RM637,500.00	RM2,497,047.34	RM2,757,034.55
9.	Penang Science Cluster	2020	RM3,300,000.00	RM4,774,213.00	RM6,915,820.00
		2021	RM356,898.00	RM4,278,745.00	RM3,673,797.00
		2022	RM801,887.00	RM3,291,838.00	RM3,599,497.00
		2023	RM1,264,781.00	RM4,568,885.00	RM6,153,050.00
		2024	RM400,000.00	RM4,734,142.00	RM5,012,726.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM200,000.00	RM3,397,308.00	RM3,269,232.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
10.	Penang STEM Sdn. Bhd.	2020	RM560,000.00	RM236,163.00	RM711,318.00
		2021	RM410,000.00	RM155,862.00	RM662,161.00
		2022	RM630,000.00	RM219,290.00	RM753,554.00
		2023	RM650,000.00	RM712,387.00	RM1,221,648.00
		2024	RM600,000.00	RM468,905.00	RM1,010,352.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM405,000.00	RM509,408.00	RM990,081.00
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	2020	RM7,050,000.00	RM9,229,041.00	RM7,965,798.00
		2021	RM5,530,000.00	RM6,208,105.00	RM9,242,783.00
		2022	RM6,480,000.00	RM9,561,262.00	RM8,562,243.00
		2023	RM7,300,000.00	RM11,179,112.00	RM6,402,229.00
		2024	RM4,947,720.00	RM6,490,836.00	RM5,463,596.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM3,000,000.00	RM5,181,501.00	RM 3,950,999.00
12.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	2020	RM6,141,156.00	RM54,826.00	RM3,634,726.00
		2021	RM4,231,087.00	RM14,900.00	RM3,061,654.00
		2022	RM5,683,418.00	RM53,297.00	RM5,963,699.00
		2023	RM5,737,863.00	RM33,727.00	RM7,282,635.00
		2024	RM7,538,552.00	RM14,000.00	RM7,752,989.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM5,170,200.00	Tiada	RM5,118,412.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
13.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	2020	RM820,000.00	RM65,546.00	RM823,355.00
		2021	RM1,000,000.00	RM78,574.00	RM1,401,229.00
		2022	RM2,187,159.00	RM259,110.00	RM1,062,746.00
		2023	RM2,528,159.00	RM259,110.00	RM2,776,268.00
		2024	RM700,000.00	RM305,852.00	RM904,987.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,130,000.00	RM67,980.00	RM968,730.00
14.	Penang FC Sdn. Bhd.	2021	RM8,855,062.00	RM2,900,836.00	RM12,173,634.00
		2022	RM12,500,000.00	RM3,523,848.00	RM15,183,966.00
		2023	RM12,200,000.00	RM3,292,899.00	RM15,460,392.00
		2024	RM10,200,000.00	RM1,674,600.00	RM11,411,209.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM6,000,000.00	RM933,449.00	RM6,902,440.00
15.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	2020	RM1,500,000	RM418,620	RM1,196,755
		2021	RM2,500,000	RM387,556	RM2,141,679
		2022	RM2,500,000	RM524,330	RM3,062,478
		2023	RM2,500,000	RM877,939	RM3,597,745
		2024	RM1,500,000	RM608,437	RM2,399,161
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,175,000	RM448,221	RM1,776,502

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		
			Peruntukan daripada Kerajaan Negeri	Peruntukan daripada sumber lain	Perbelanjaan operasi dan pengurusan
16.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	2021	RM350,576.00	RM4,035.00	RM357,724.00
		2022	RM1,218,284.00	RM28,382.00	RM1,246,828.00
		2023	RM1,266,859.00	RM30,383.00	RM1,285,276.00
		2024	RM1,230,363.00	RM120,507.00	RM1,265,538.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM776,250.00	RM131,562.50	RM858,841.65
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	2025 (Sehingga 30 September)	Belum terima	-	-
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025			

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

15. Apakah status Taman Rekreasi Pantai Kamlon, Bumbung Lima?
- (a) Nyatakan kos yang telah dikeluarkan setelah beberapa kali kerja-kerja membaiki dilakukan.
 - (b) Apakah perancangan seterusnya dalam membina kembali taman ini?
 - (c) Apakah cadangan terhadap beberapa papan tanda yang menunjukkan arah ke taman ini kerana ia mengelirukan orang ramai?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Taman Rekreasi Pantai Kamloon pada asalnya berkeluasan 45.50 ekar dan terletak di tepi Sungai Muda, bersebelahan dengan Lebuh raya Utara-Selatan serta berhampiran dengan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Sungai Muda. Akses ke kawasan ini adalah melalui Pekan Bumbong Lima.

Kawasan rekreasi ini pada mulanya telah dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) pada tahun 2003. Pengurusan taman tersebut kemudiannya telah diserahkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang dan diuruskan oleh JPS Daerah Seberang Perai Utara mulai Januari 2009.

Namun demikian, selepas Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Muda siap sepenuhnya pada tahun 2015,

kawasan rekreasi tersebut telah terbahagi kepada dua bahagian dan tidak lagi diselenggara secara aktif.

- (a) Pembaikan terakhir di Taman Rekreasi Pantai Kamloon telah dilaksanakan pada tahun 2011 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM82,885.20 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Lima dan Dua Puluh Sen Sahaja). Selepas tahun tersebut, tiada lagi sebarang kerja-kerja pembaikan atau penyelenggaraan dijalankan di kawasan berkenaan.
- (b) Sehingga tahun 2025, tiada sebarang perancangan pembangunan yang melibatkan kawasan Taman Rekreasi Pantai Kamloon. Buat masa ini, pembangunan semula taman tersebut belum dipertimbangkan memandangkan faktor kos operasi dan penyelenggaraan yang tinggi. Walau bagaimanapun, pihak JPS akan meneliti potensi dan keperluan pembangunan semula kawasan tersebut pada masa hadapan sekiranya terdapat keperluan dan peruntukan yang sesuai.
- (c) Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan menyemak semula lokasi dan kedudukan papan tanda sedia ada di kawasan berkenaan bagi memastikan ia tidak mengelirukan orang ramai. Sekiranya JPS memutuskan bahawa Taman Rekreasi Pantai Kamloon tidak lagi beroperasi, papan tanda berkenaan akan ditanggalkan oleh pihak JKR.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

16. Nyatakan *hotspot* kawasan banjir di daerah SPU mengikut DUN.
- (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah bagi kawasan tanah rendah yang sering dilanda banjir ini?
 - (b) Bagaimanakah jadual penyelenggaraan boleh membantu mengurangkan risiko banjir?
 - (c) Apakah terdapat penyelesaian jangka panjang sebagai langkah pencegahan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Lokasi *hotspot* banjir di Daerah Seberang Perai Utara mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **JADUAL 1**.

**JADUAL 1: LOKASI *HOTSPOT* BANJIR DI DAERAH
SEBERANG PERAI UTARA MENGIKUT DUN**

PARLIMEN	DUN	<i>HOTSPOT</i> BANJIR
Bagan	Sungai Puyu	Kampung Tok Sani
Tasek Gelugor	Permatang Berangan	Kampung Labuh Banting
		Kampung Lahar Yooi
		Kampung Tok Jawa
Kepala Batas	Sungai Dua	Kampung Alor Merah
	Bertam	Kampung Lahar Ikan Mati

- (a) Antara langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut adalah pelaksanaan Kajian Pelan Induk Tebatan Banjir Dan Sistem Saliran Mesra Alam (DMP) Daerah Seberang Perai Utara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) yang telah siap pada bulan Februari 2019. Susulan daripada itu, JPSPP akan melaksanakan Kajian Reka Bentuk Terperinci di Kawasan-kawasan *Hotspot* Banjir berdasarkan kepada keutamaan dan ketersediaan peruntukan untuk penyelesaian keseluruhan sistem saliran di kawasan tersebut.
- (b) Kerja-kerja penyelenggaraan amat membantu dalam mengurangkan risiko berlakunya banjir kerana sistem saliran yang diselenggara dengan baik dapat menampung kapasiti air hujan yang lebih banyak terutamanya semasa hujan lebat. Walau bagaimanapun, kejadian-kejadian luar jangka seperti fenomena air pasang besar dan perubahan cuaca ekstrem masih berpotensi untuk meningkatkan risiko berlakunya kejadian banjir.
- (c) Penyelesaian jangka panjang akan dapat diperolehi daripada hasil kajian Kajian Reka Bentuk Terperinci di Kawasan-kawasan *Hotspot* Banjir yang dilaksanakan oleh JPSPP. Projek-projek mitigasi banjir akan dilaksanakan berdasarkan kepada keutamaan dan ketersediaan peruntukan semasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

17. Senaraikan kilang-kilang haram yang terdapat di Parlimen Kepala Batas mengikut DUN ketika ini serta berapa lama kilang-kilang tersebut telah beroperasi.
- (a) Nyatakan garis panduan dalam permohonan lesen.
 - (b) Berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk memproses permohonan ini?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

17. Berdasarkan semakan terkini pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebanyak 76 buah kilang haram telah dikenal pasti di Parlimen Kepala Batas dan kilang-kilang ini dipercayai telah beroperasi sejak 20 sehingga 30 tahun yang lalu iaitu sebelum pelaksanaan program pemutihan serta penguatkuasaan peraturan sedia ada oleh pihak MBSP. Perincian senarai kilang haram mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Garis panduan untuk permohonan lesen perniagaan di bawah MBSP adalah merujuk kepada Manual Pelesenan Panduan Permohonan dan Peraturan Lesen Premis dan Iklan MBSP yang berkuat kuasa pada bulan September 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN B (sila imbas kod QR)**

- (b) Tempoh masa untuk memproses permohonan lesen adalah bergantung kepada kategori permohonan seperti berikut:

Bil.	Kategori Permohonan	Tempoh Pemrosesan
1	Tidak Berisiko Dalam Skim	24 jam
2	Tidak Berisiko Luar Skim	30 hari
3	Berisiko Dalam Skim (Aktiviti Industri)	24 jam
4	Berisiko Dalam Skim (Aktiviti Am)	30 hari
5	Berisiko Luar Skim	30 hari

LAMPIRAN A

SENARAI KILANG HARAM MENGIKUT DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) DI BAWAH PARLIMEN KEPALA BATAS, PULAU PINANG

N01 - DUN PENAGA				
BIL.	NAMA SYARIKAT/PEMUNYA	NO. LOT	ALAMAT/LOKASI	JENIS PERUSAHAAN
1	ENG HEAP SENG RICE MILL SDN. BHD.	733, 1832 & 1984	968, PERMATANG JANGGUS, 13100 PENAGA	BERAS
2	OOI LIAN SENG & 2 LAGI	606	643, PENAGA, 13100 PENAGA	TIADA MAKLUMAT
3	LIM SIEW GEK	1700	6520, LAHAR ENDIN, 13100 PENAGA	TIADA MAKLUMAT
4	HITARO CORPORATION SDN. BHD.	3771	777, LAHAR IKAN MATI, 13200 KEPALA BATAS	MANUFACTURING & TRADING AUTO SPARE PARTS
5	ENG HEAP SENG HOLDINGS SDN. BHD.	733, 1832 & 1984	6746, PERMATANG JANGGUS, 13100 PENAGA	MEMASAK KOPI/SERBUK KOPI
6	AMAN SENTOSA SDN. BHD.	3146	1146, PERMATANG JANGGUS, 13100 PENAGA	MENGETIN/MEMBOTOL/BUNGKUS MAKANAN
7	CHOO SENG RICE MILL	606	643, PENAGA, 13100 PENAGA	BERAS
8	KILANG BERAS LEONG GUAN SDN. BHD.	3581, 3584, 1249 & 3871	968, PERMATANG TINGGI, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT

N02 – DUN BERTAM				
BIL.	NAMA SYARIKAT/PEMUNYA	NO. LOT	ALAMAT/LOKASI	JENIS PERUSAHAAN
1	LEE BOON CHAI & TEOH POH AEM	787, 789 & 1781	1119, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TEMPAT MENYIMPAN BARANG BARANG PLASTIK, BAJA, MINYAK DAN GULA
2	LEE BENG HOON	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
3	LEE CHEE HOCK	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
4	LEE CHEE HUP	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
5	LEE CHEE TEONG	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
6	LEE CHEE EE	791	1113, PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
7	TRANSFORMELECTRICAL INDUSTRY SDN. BHD.	1772	1122, JLN. PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	MEMBUAT TRANSFORMER
8	TEH NAM SENG & TEH LAM HUAT	2505	DI ATAS LOT 2505, JLN. PDG. BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
9	OOI TZE KUAN	1513	503, PERMATANG SINTOK, 13100 PENAGA	KERJA-KERJA BESI

N02 – DUN BERTAM

BIL.	NAMA SYARIKAT/PEMUNYA	NO. LOT	ALAMAT/LOKASI	JENIS PERUSAHAAN
10	CIPLI INDUSTRIES SDN. BHD.	1199	DIATAS LOT 1199, JLN. PONGSU SERIBU, 13200 KEPALA BATAS	MEMBUAT PAIP PLASTIK
11	KEPALA BATAS BIHUN SDN. BHD.	2993	1239, KG. PADANG, LAHAR KEPAR, 13200 KEPALA BATAS	KILANG PENGISAR BIHUN, LAKSA, MI SEGERA, MI DAN KUETIAU.
12	LEE AH MOW	1736	409, JLN. BUTTERWORTH, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
13	KIM THYE LEONG RICEMILL SDN. BHD.	1003	423, PERMATANG MANGGIS, 13200 KEPALA BATAS	MEMPROSES PADI DAN BERAS
14	SOON BEE CHAN RICE MILL SDN. BHD.	6259	1187, PERMATANG SINTOK, 13100 PENAGA	KILANG MEMPROSES PADI DAN BERAS
15	Haidar Ali Bin Muthalif DL	2362	1949, JLN. BERTAM, 13200 KEPALA BATAS	KILANG ROTI DAN BISKUT
16	GUAN SHEN OIL & RICE MILLS	2366	1472, JLN. LAHAR BUBU, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
17	CHNG SIN HOCK	1064	1485, JLN. LAHAR BUBU, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
18	LOH SEK PHANG & LOH SIEK HOW	1066	1422, JLN. LAHAR BUBU, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
19	LIM CHIN JOO	6174	1416, JLN. LAHAR BUBU, 13200 KEPALA BATAS	KAYU BALAK

N02 – DUN BERTAM				
BIL.	NAMA SYARIKAT/PEMUNYA	NO. LOT	ALAMAT/LOKASI	JENIS PERUSAHAAN
20	TAN KIM KUANG & HONG YEW WAH	2478	5404, PONGSU SERIBU, 13200 KEPALA BATAS	MEMPROSES KAYU LAPIS
21	LY YANG WOOD PRODUCTS	22364 (1098)	NO. 2668, JLN. DUA, JLN. DATUK HJ. AHMAD BADAWI, 13200 KEPALA BATAS	KERJA-KERJA KAYU
22	CHEW SEANG WOOL	72	1124, JLN. KEDAH, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
23	PUSAT PENGELUARAN BENIH PADI LAHAR BUBU	4218	LOT 2286, PMTG. MANGGIS, 13200 KEPALA BATAS	TIADA MAKLUMAT
24	SENG CUSHION	5492	DI ATAS LOT 5492, JLN. PERMATANG SINTOK, 13100 PENAGA	MEMBUAT KUSYEN
25	GUAN HIN FOODIES FACTORY (P.P.) SDN. BHD.	72	TIADA	TIADA MAKLUMAT
26	KOPERASI PEKERJA KUMPULAN SOKONGAN P. PINANG BHD.	330	1301, KG. BARU, 13100 PENAGA	TIADA MAKLUMAT
27	TAN CHOO SAN	872	669, JALAN SG. PUYU, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
28	TAN ENG AIK	873	NO. 807, BAGAN AJAM TAMAN EMAS 13000 BUTTERWORTH	PEMBORONG BEG
29	SHUN SHUN ENTERPRISE	1172	TIADA DATA	SEJUK BEKU IKAN

N02 – DUN BERTAM				
BIL.	NAMA SYARIKAT/PEMUNYA	NO. LOT	ALAMAT/LOKASI	JENIS PERUSAHAAN
30	AUDIO TONES ENTERPRISE SDN. BHD.	2478	TIADA DATA	MEMPROSES KAYU LAPIS
31	GOLDEN STAR MACHINERY & HARDWARE SDN. BHD.	13006	TIADA DATA	KERJA-KERJA BESI
32	KEAN HIN COFECTIONERY SDN. BHD.	729	DI ATAS LOT 2205, OFF JLN. KUBANG SEMANG, BUKIT MERAH, 13500 PERMATANG PAUH	TIADA MAKLUMAT
33	CASA INTI SDN. BHD.	2596	752, JLN. ARA KUDA, KG. TELOK WANG, 14000 BUKIT MERTAJAM	PERABOT
34	KEPALA BATAS BIHUN SDN. BHD.	1246, 291, 2992, 5928, 5932, 5935, 5939 & 5942	TIADA DATA	KILANG BIHUN

N03 – DUN PINANG TUNGGAL				
BIL.	NAMA SYARIKAT/PEMUNYA	NO. LOT	ALAMAT/LOKASI	JENIS PERUSAHAAN
1	KILANG BERAS LEONG GUAN SDN. BHD.	787, 789 & 1781	572, PERMATANG TINGGI, 13200 KEPALA BATAS	TEMPAT MENYIMPAN BARANG BARANG PLASTIK, BAJA, MINYAK DAN GULA
2	PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.	791	TIADA	TIADA MAKLUMAT
3	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG	791	1596, JLN. KUBANG MENERONG, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
4	ANG JOO LOONG	791	6201, TINGKAT SELAMAT 2, KAMPUNG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
5	YAAP GOH LIM	791	DIATAS LOT 1434 TKT. SELAMAT 7, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
6	TM BRICKS INDUSTRIES SDN. BHD.	791	LOT 1403 & 1404, TKT SELAMAT 9, KG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
7	AMKAWOOD K. D. SDN. BHD.	1772	LOT 3795, TKT. SELAMAT 11, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	MEMBUAT TRANSFORMER


N03 – DUN PINANG TUNGGAL				
BIL.	NAMA SYARIKAT/PEMUNYA	NO. LOT	ALAMAT/LOKASI	JENIS PERUSAHAAN
8	ARINDU WOOD SDN. BHD.	2505	LOT 179, JLN. KG. BARU, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
9	SEE HAI ENTERPRISE SDN. BHD.	1513	LOT 2111, KUBANG MENERONG, 13300 TASEK GELUGOR	KERJA-KERJA BESI
10	LUSTY ENGINEERING & CONSTRUCTION	1199	DI ATAS LOT 1549 TKT. SELAMAT 4, KG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	MEMBUAT PAIP PLASTIK
11	LAZIM ASIA SDN. BHD.	2993	1483, TKT. SELAMAT 4 KAMPUNG SELAMAT 1330 TASEK GELUGOR	KILANG PENGISAR BIHUN, LAKSA, MI SEGERA, MI DAN KUETIAU
12	KUALITI AYU SDN. BHD.	1736	3035, KG. BARU, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
13	KILANG BIHUN BERAS INDAH SDN. BHD.	1003	2736, TKT. SELAMAT 6, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	MEMPROSES PADI DAN BERAS
14	DOUBLE SECURE PRODUCTS (M) SDN. BHD.	6259	NO. 7697, TKT. SELAMAT 4 KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR	KILANG MEMPROSES PADI DAN BERAS
15	LIM SING HOO	2362	7053, TKT. SELAMAT 10, KG. SELAMAT, 13300 TASIK GELUGOR	KILANG ROTI DAN BISKUT

N03 – DUN PINANG TUNGGAL

BIL.	NAMA SYARIKAT/PEMUNYA	NO. LOT	ALAMAT/LOKASI	JENIS PERUSAHAAN
16	LIM CHIN KOK	2366	LOT PT. 1613, MK. 12 SPU, KAMPUNG SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
17	SHAN TATT ENTERPRISE	1064	TIADA	TIADA MAKLUMAT
18	LAVIE FURNITURE MANUFACTURING SDN. BHD.	1066	DIATAS LOT 1491, TKT. SELAMAT 5, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	TIADA MAKLUMAT
19	TLP RESOURCES SDN. BHD. (TPL)	6174	444, TANJONG BEREMBANG, 14310 NIBONG TEBAL	KAYU BALAK
20	KILANG PAPAN NAGA JAYA SDN. BHD.	2478	TIADA DATA	MEMPROSES KAYU LAPIS
21	FARBEN TECHNIQUE (M) SDN. BHD.	22364 (1098)	TIADA DATA	KERJA-KERJA KAYU
22	SUN RENEWABLES SDN. BHD.	72	TIADA DATA	TIADA MAKLUMAT
23	XINTONGSI ENTERPRISE	4218	TIADA DATA	TIADA MAKLUMAT
24	WEI SIONG CANVAS TRADING SDN. BHD.	5492	TIADA DATA	MEMBUAT KUSYEN
25	HEOP SEONG SUPPLIERS	72	TIADA DATA	TIADA MAKLUMAT

N03 – DUN PINANG TUNGGAL				
BIL.	NAMA SYARIKAT/PEMUNYA	NO. LOT	ALAMAT/LOKASI	JENIS PERUSAHAAN
26	BEAUTY WOOD ENTERPRISE SDN. BHD. & ACCORD FURNITURE INDUSTRIES SDN. BHD.	330	808, JLN. SG. PUYU, 13020 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
27	JV EVERICH HARDWARE SDN. BHD. & OSAKA PLASTICS (M) SDN. BHD.	872	1178, MAKLOM, 13800 BUTTERWORTH	TIADA MAKLUMAT
28	NSTP ENTERPRISE	873	TIADA DATA	PEMBORONG BEG
29	SHAN TATT ENTERPRISE	1172	TIADA DATA	SEJUK BEKU IKAN
30	ADVANCE CASKET ENTERPRISE	2478	1399, JLN. PADANG BENGKALI, TELOK AIR, TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	MEMPROSES KAYU LAPIS
31	LAZIM ASIA SDN. BHD.	13006	TIADA DATA	KERJA-KERJA BESI
32	AN MARKETING TRADINGS SDN. BHD.	729	1451, JLN. PECAH BATU, 14400 KUBANG SEMANG	TIADA MAKLUMAT
33	BEH KEAN ENTERPRISE	2596	LOT 5958, TKT. SELAMAT 7, KG. SELAMAT, 13300 TASEK GELUGOR	PERABUT
34	LAW MENG HAI	1246, 291, 2992, 5928, 5932, 5935, 5939 & 5942	TIADA DATA	KILANG BIHUN

LAMPIRAN B



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

18. Apakah definisi miskin dan miskin tegar serta bagaimanakah ukuran itu dibuat?
- (a) Senaraikan bilangan terkini miskin dan miskin tegar mengikut kaum bagi setiap DUN dari tempoh 2022 hingga kini.
 - (b) Apakah usaha kerajaan dalam mencapai sasaran sifar miskin tegar dan bagaimanakah pencapaian setakat ini?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Definisi Miskin dan Miskin Tegar dalam sistem eKasih menggunakan definisi rasmi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi (KE) dan disokong oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) iaitu berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Definisi tersebut adalah seperti berikut:

KATEGORI EKASIH	KRITERIA PENGUKURAN
Miskin Tegar	Ketua Isi Rumah (KIR) dengan pendapatan bulanan kurang daripada PGK per kapita. PGK bagi Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa ialah PGK 2022 dengan kadar PGK Per kapita sebanyak RM315.00.

KATEGORI EKASIH	KRITERIA PENGUKURAN
Miskin	<p>Ketua Isi Rumah (KIR) dengan pendapatan bulanan kurang daripada PGK per kapita.</p> <p>PGK bagi Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa ialah PGK 2022 dengan kadar PGK Per kapita sebanyak RM719.00.</p>

- (a) Bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) bagi kategori Miskin dan Miskin Tegar mengikut kaum serta setiap DUN bagi tempoh tahun 2022 hingga 1 November 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Bagi menangani isu ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan pelbagai inisiatif seperti:
- (i) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD) yang berperanan untuk melaksanakan dasar, strategi dan program kesejahteraan rakyat, serta mengenal pasti isu dan cabaran dalam pelaksanaannya di peringkat daerah.
 - (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah tambahan yang proaktif melalui Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) di bawah JKM. Mulai 1 Januari 2025, kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) di bawah BAES telah dinaikkan dari RM260.00 kepada RM322.00 per kapita. Setiap permohonan yang memenuhi syarat kelayakan akan dipertimbangkan dengan kadar bantuan antara RM100.00 (minimum) hingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan.

- (iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan sebagai inisiatif dalam menoktahkan kemiskinan dengan memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan dengan pendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Melalui Pejabat Daerah dan Tanah, bantuan peralatan diberikan bagi tujuan membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk output yang lebih besar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi kelangsungan hidup yang lebih terjamin.
- (iv) Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin di bawah MMK Pembangunan Luar Bandar membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kediaman yang selamat dan selesa serta kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas.

Program-program ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu mengurangkan kadar miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang.

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2022											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Air Itam	92	35	127	62	27	89	70	43	113	3	1	4
Air Putih	11	5	16	6	5	11	23	16	39	0	0	0
Bagan Dalam	151	65	216	81	24	105	32	10	42	1	1	2
Bagan Jermal	156	47	203	66	11	77	41	16	57	2	0	2
Batu Lancang	30	7	37	19	3	22	55	24	79	0	0	0
Batu Maung	194	48	242	36	14	50	25	18	43	1	0	1
Batu Uban	66	14	80	37	12	49	56	34	90	2	0	2
Bayan Lepas	430	112	542	44	16	60	39	15	54	2	2	4
Berapit	99	30	129	19	4	23	59	19	78	0	0	0
Bertam	349	117	466	50	25	75	12	5	17	1	0	1
Bukit Tambun	126	30	156	120	21	141	36	14	50	1	1	2
Bukit Tengah	200	59	259	45	10	55	19	7	26	2	0	2
Datok Keramat	100	34	134	40	18	58	33	38	71	2	0	2
Jawi	196	48	244	112	41	153	56	30	86	0	0	0
Kebun Bunga	18	9	27	30	20	50	62	73	135	0	0	0
Komtar	44	18	62	26	7	33	15	13	28	0	2	2
Machang Bubuk	350	110	460	63	22	85	71	44	115	0	0	0
Padang Kota	6	1	7	9	4	13	15	7	22	1	0	1
Padang Lalang	103	33	136	28	12	40	39	25	64	0	0	0
Pantai Jerejak	86	15	101	27	14	41	35	16	51	0	0	0
Paya Terubong	35	4	39	51	25	76	125	81	206	0	0	0
Penaga	952	322	1,274	3	1	4	22	6	28	1	1	2
Penanti	399	161	560	6	5	11	12	10	22	2	1	3

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2022											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Pengkalan Kota	11	3	14	20	13	33	42	27	69	0	0	0
Perai	43	8	51	62	20	82	19	11	30	0	0	0
Permatang Berangan	809	297	1,106	43	15	58	15	4	19	0	0	0
Permatang Pasir	404	143	547	30	9	39	10	9	19	0	1	1
Pinang Tunggal	585	180	765	19	6	25	12	7	19	1	1	2
Pulau Betong	311	106	417	14	3	17	25	18	43	0	0	0
Pulau Tikus	27	11	38	2	9	11	11	11	22	0	0	0
Seberang Jaya	411	103	514	92	31	123	42	22	64	3	0	3
Seri Delima	57	19	76	29	6	35	21	17	38	0	0	0
Sungai Acheh	483	173	656	29	14	43	29	8	37	2	0	2
Sungai Bakap	361	113	474	105	19	124	43	14	57	0	2	2
Sungai Dua	526	186	712	9	6	15	13	4	17	0	0	0
Sungai Pinang	155	63	218	67	32	99	45	21	66	1	0	1
Sungai Puyu	139	34	173	57	19	76	59	26	85	0	0	0
Tanjong Bunga	77	40	117	29	10	39	25	14	39	1	0	1
Telok Ayer Tawar	273	95	368	33	8	41	20	4	24	3	1	4
Telok Bahang	257	92	349	4	4	8	26	11	37	0	0	0
Pulau Pinang	4,929	1,666	6,595	644	224	868	457	228	685	10	5	16

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2023											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Air Itam	88	35	123	42	17	59	39	13	52	1	0	1
Air Putih	29	24	53	27	20	47	85	51	136	0	0	0
Bagan Dalam	121	56	177	65	36	101	27	9	36	0	2	2
Bagan Jermal	97	39	136	64	30	94	42	19	61	0	1	1
Batu Lancang	20	9	29	22	3	25	52	17	69	0	0	0
Batu Maung	190	65	255	40	12	52	27	14	41	0	0	0
Batu Uban	93	21	114	38	13	51	64	27	91	2	0	2
Bayan Lepas	370	145	515	27	11	38	31	15	46	1	0	1
Berapit	36	19	55	16	3	19	39	17	56	0	0	0
Bertam	288	141	429	57	20	77	13	9	22	0	0	0
Bukit Tambun	135	46	181	91	35	126	45	16	61	0	0	0
Bukit Tengah	210	84	294	45	14	59	26	4	30	1	1	2
Datok Keramat	87	27	114	35	8	43	43	18	61	1	0	1
Jawi	180	72	252	112	46	158	59	30	89	0	0	0
Kebun Bunga	7	9	16	16	6	22	22	16	38	0	0	0
Komtar	36	26	62	25	7	32	19	7	26	1	0	1
Machang Bubuk	336	127	463	80	23	103	70	30	100	0	1	1
Padang Kota	4	4	8	15	6	21	11	7	18	0	0	0
Padang Lalang	96	47	143	30	26	56	49	18	67	1	0	1
Pantai Jerejak	67	24	91	19	13	32	30	10	40	0	1	1
Paya Terubong	31	8	39	74	29	103	149	65	214	1		1
Penaga	753	347	1,100	4	1	5	13	6	19	0	3	3
Penanti	393	197	590	3	4	7	12	8	20	2	1	3

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2023											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Pengkalan Kota	7	7	14	22	10	32	44	25	69	0	0	0
Perai	20	9	29	77	23	100	17	6	23	0	0	0
Permatang Berangan	817	314	1,131	36	19	55	10	3	13	0	0	0
Permatang Pasir	467	199	666	39	32	71	16	9	25	0	2	2
Pinang Tunggal	747	309	1,056	22	16	38	17	6	23	1	1	2
Pulau Betong	304	121	425	14	3	17	25	18	43	1	0	1
Pulau Tikus	24	8	32	9	4	13	17	9	26	0	0	0
Seberang Jaya	365	141	506	70	25	95	42	10	52	2	1	3
Seri Delima	47	14	61	31	4	35	23	6	29	0	0	0
Sungai Acheh	491	195	686	29	16	45	29	8	37	2	0	2
Sungai Bakap	355	143	498	81	32	113	24	12	36	0	1	1
Sungai Dua	577	224	801	9	4	13	12	6	18	1	1	2
Sungai Pinang	160	68	228	90	37	127	43	13	56	0	0	0
Sungai Puyu	126	70	196	54	19	73	58	24	82	0	0	0
Tanjong Bunga	71	43	114	21	10	31	19	4	23	1	0	1
Telok Ayer Tawar	317	144	461	26	13	39	13	6	19	2	2	4
Telok Bahang	270	102	372	8	3	11	17	13	30	0	0	0
Pulau Pinang	8,832	3,683	12,515	1,585	653	2,238	1,393	604	1,997	21	18	39

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2024											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Air Itam	132	0	132	75	0	75	72	0	72	2	0	2
Air Putih	61	0	61	72	0	72	172	0	172	0	0	0
Bagan Dalam	170	0	170	122	1	123	42	0	42	2	0	2
Bagan Jermal	154	4	158	114	3	117	87	0	87	1	0	1
Batu Lancang	33	0	33	37	1	38	95	2	97	0	0	0
Batu Maung	225	0	225	42	0	42	36	0	36	1	0	1
Batu Uban	120	1	121	59	0	59	101	1	102	2	0	2
Bayan Lepas	505	1	506	46	0	46	40	0	40	1	0	1
Berapit	65	1	66	36	0	36	66	0	66	0	0	0
Bertam	418	0	418	76	0	76	23	0	23	0	0	0
Bukit Tambun	175	0	175	135	1	136	69	0	69	0	0	0
Bukit Tengah	255	0	255	66	2	68	39	1	40	4	0	4
Datok Keramat	117	3	120	54	0	54	66	0	66	0	0	0
Jawi	257	0	257	225	3	228	90	0	90	0	0	0
Kebun Bunga	21	0	21	33	0	33	68	0	68	0	0	0
Komtar	79	0	79	35	1	36	30	0	30	2	0	2
Machang Bubuk	465	3	468	114	1	115	125	0	125	1	0	1
Padang Kota	13	0	13	20	0	20	18	1	19	0	0	0
Padang Lalang	163	1	164	74	0	74	99	0	99	0	0	0
Pantai Jerejak	88	0	88	37	0	37	34	0	34	0	0	0
Paya Terubong	60	0	60	112	1	113	240	0	240	0	0	0
Penaga	1,083	2	1,085	6	0	6	16	0	16	0	0	0
Penanti	564	2	566	14	0	14	17	0	17	4	0	4

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2024											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Pengkalan Kota	20	0	20	37	0	37	70	0	70	0	0	0
Perai	42	0	42	133	0	133	33	0	33	1	0	1
Permatang Berangan	1,080	2	1,082	56	0	56	17	0	17	0	0	0
Permatang Pasir	579	3	582	87	2	89	26	1	27	2	0	2
Pinang Tunggal	1,023	1	1,024	65	0	65	20	0	20	2	0	2
Pulau Betong	384	3	387	13	0	13	42	0	42	1	0	1
Pulau Tikus	31	0	31	15	0	15	27	0	27	0	0	0
Seberang Jaya	518	3	521	89	0	89	55	0	55	3	0	3
Seri Delima	74	0	74	38	0	38	41	0	41	0	0	0
Sungai Acheh	635	2	637	57	0	57	39	0	39	1	0	1
Sungai Bakap	464	2	466	161	2	163	47	0	47	1	0	1
Sungai Dua	705	2	707	17	0	17	20	0	20	1	0	1
Sungai Pinang	253	1	254	153	0	153	85	0	85	0	0	0
Sungai Puyu	192	2	194	101	1	102	127	0	127	1	0	1
Tanjong Bunga	133	0	133	45	0	45	37	0	37	0	0	0
Telok Ayer Tawar	394	0	394	45	0	45	34	0	34	4	0	4
Telok Bahang	369	3	372	16	0	16	30	0	30	1	0	1
Pulau Pinang	12,119	42	12,161	2,732	19	2,751	2,395	6	2,401	38	0	38

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2025											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Air Itam	86	0	86	55	0	55	48	0	48	1	0	1
Air Putih	44	0	44	46	0	46	75	0	75	0	0	0
Bagan Dalam	102	0	102	80	0	80	26	0	26	1	0	1
Bagan Jermal	103	0	103	92	0	92	46	0	46	1	0	1
Batu Lancang	24	0	24	32	0	32	53	0	53	0	0	0
Batu Maung	145	0	145	31	0	31	15	0	15	1	0	1
Batu Uban	72	0	72	33	0	33	57	0	57	1	0	1
Bayan Lepas	307	0	307	32	0	32	23	0	23	0	0	0
Berapit	49	0	49	18	0	18	32	0	32	0	0	0
Bertam	290	0	290	56	0	56	15	0	15	1	0	1
Bukit Tambun	130	0	130	105	0	105	37	0	37	0	0	0
Bukit Tengah	157	0	157	45	0	45	20	0	20	2	0	2
Datok Keramat	82	0	82	33	0	33	40	0	40	0	0	0
Jawi	205	0	205	157	0	157	54	0	54	0	0	0
Kebun Bunga	15	0	15	15	0	15	27	0	27	0	0	0
Komtar	51	0	51	29	0	29	14	0	14	1	0	1
Machang Bubuk	299	0	299	69	0	69	73	0	73	1	0	1
Padang Kota	9	0	9	10	0	10	13	0	13	0	0	0
Padang Lalang	111	0	111	54	0	54	42	0	42	1	0	1
Pantai Jerejak	64	0	64	19	0	19	16	0	16	0	0	0
Paya Terubong	37	0	37	64	0	64	145	0	145	0	0	0
Penaga	752	0	752	4	0	4	8	0	8	0	0	0
Penanti	377	0	377	13	0	13	8	0	8	2	0	2

BILANGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR MENGIKUT KAUM BAGI SETIAP DUN

DUN	2025											
	Melayu			India			Cina			Lain-lain		
	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah	Miskin	Miskin tegar	Jumlah
Pengkalan Kota	17	0	17	22	0	22	36	0	36	1	0	1
Perai	26	0	26	76	0	76	16	0	16	1	0	1
Permatang Berangan	734	0	734	54	0	54	11	0	11	0	0	0
Permatang Pasir	444	0	444	56	0	56	17	0	17	2	0	2
Pinang Tunggal	701	0	701	44	0	44	13	0	13	2	0	2
Pulau Betong	245	0	245	9	0	9	21	0	21	1	0	1
Pulau Tikus	20	0	20	7	0	7	18	0	18	0	0	0
Seberang Jaya	341	0	341	61	0	61	27	0	27	2	0	2
Seri Delima	50	0	50	26	0	26	21	0	21	0	0	0
Sungai Aceh	409	0	409	36	0	36	28	0	28	3	0	3
Sungai Bakap	330	0	330	123	0	123	23	0	23	1	0	1
Sungai Dua	482	0	482	17	0	17	15	0	15	2	0	2
Sungai Pinang	186	0	186	108	0	108	40	0	40	0	0	0
Sungai Puyu	140	0	140	55	0	55	60	0	60	1	0	1
Tanjong Bunga	83	0	83	29	0	29	30	0	30	0	0	0
Telok Ayer Tawar	267	0	267	24	0	24	15	0	15	4	0	4
Telok Bahang	250	0	250	9	0	9	17	0	17	0	0	0
Pulau Pinang	8,236	0	8,236	1,848	0	1,848	1,295	0	1,295	33	0	33

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

19. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah keladi agas yang menjadi ancaman kepada pesawah?
- (a) Senaraikan pesawah di daerah SPU mengikut DUN yang mengalami kerugian.
 - (b) Apakah bantuan yang telah diberikan kepada mereka?
 - (c) Apakah langkah pencegahan bagi membanteras masalah ini?

YB FAHMI BIN ZAINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah melancarkan jawatankuasa *task force* pembendungan, penghapusan dan kawalan keladi agas bermula Mei 2023 bagi mencari solusi kemerebakan rumpai yang mengancam tanaman padi ini. Pada tahun 2023, peruntukan sebanyak RM900,000.00 telah dibelanjakan bagi pelaksanaan Program Pembangunan Tanaman Padi pada musim 2/2023.

Manakala sebanyak RM400,000.00 telah diperuntukkan bagi perolehan perkhidmatan kawalan keladi agas di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di dua (2) daerah meliputi keluasan 74.4 hektar. Perkhidmatan kawalan keladi agas ini telah menurunkan keluasan infestasi sebanyak 64.15% pada musim 1/2024.

Manakala pada tahun 2025, sebanyak 12 siri kempen dan taklimat kawalan rumpai, perosak dan penyakit telah dijalankan sepanjang tahun bagi memberi kesedaran kepada petani untuk melaksanakan kawalan dari peringkat penyediaan tanah (pra-cambah). Sebanyak enam (6) bendera kuning tanda amaran telah dinaikkan di *point* bancian perosak dan penyakit bagi daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU) bertujuan agar petani dapat melaksanakan kawalan segera. Petak demonstrasi penanaman mengikut '*rice check*' juga dilaksanakan di daerah SPU melibatkan keluasan sebanyak 4 hektar bagi musim 2/2025.

Program kesedaran yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- (i) Taklimat Kawalan Rumpai Bagi Keladi Agas dan Sambau pada 21 Julai 2025 di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahar Bubu melibatkan lebih 40 orang ahli dan peserta ladang benih di bawah kendalian PPK Lahar Bubu;
 - (ii) Program Libat Urus Petak Model Pengurusan Kawalan Rumpai dan *Hands On* Pengumpanan Tikus pada 30 September 2025 di Koperasi Permatang Kuang Berhad;
 - (iii) Taklimat Pengurusan Rumpai Bagi Tanaman Padi Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 2 Oktober 2025 yang disertai lebih 100 orang peserta dari seluruh Negeri Pulau Pinang;
 - (iv) Pameran Keladi Agas di Klinik Pengembangan Pertanian sempena Program Pemerkasaan Sektor Pertanian Inc. Negeri Pulau Pinang di Kampung Labuh Banting pada 27 dan 28 September 2025;
 - (v) Pameran Keladi Agas sempena Seminar Peningkatan Hasil dan Kualiti Padi Di Majlis Graduasi Program *Farmers Field School* (FFS) siri ke 15/2025 pada 16 Oktober 2025; dan
 - (vi) Video Kempen Kesedaran: Pengenalan Keladi Agas di '*Facebook Page*' Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.
- (a) Tiada laporan atau data kerugian rasmi pesawah yang diterima oleh pihak jabatan pertanian. Dalam masa yang sama sokongan kewangan telah disalurkan kepada petani

yang terkesan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membantu meringankan beban kos pengeluaran dan menyokong kelangsungan aktiviti penanaman padi. Hampir RM1,300,000.00 sokongan kewangan telah disalurkan kepada pesawah bagi mengatasi masalah keladi agas ini.

Anggaran hasil padi bagi Musim 1 Tahun 2025 di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Berangan adalah sebanyak 4.95 tan sehektar dengan harga jualan purata RM1,500.00 bagi setiap tan. Berdasarkan kos pengeluaran sekitar RM5,000.00 sehektar, pendapatan bersih petani dianggarkan berjumlah RM2,425.00 sehektar bagi musim tersebut.

- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang turut menyalurkan pelbagai bentuk bantuan dan insentif kepada petani serta usahawan yang terlibat dalam penanaman padi di Negeri Pulau Pinang. Bantuan dan insentif ini meliputi pelbagai program sokongan yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos operasi serta menjamin pendapatan petani secara berterusan.

Panduan *Rice Check* dan Amalan Pertanian Baik (APB) yang disyorkan oleh DOA berpotensi memperoleh hasil yang lebih tinggi dan konsisten. Amalan ini merangkumi aspek pengurusan tanah, penggunaan benih sah, pembajaan seimbang, kawalan perosak dan penyakit bersepadu serta pengurusan air yang cekap.

Berikut merupakan insentif yang diberikan kepada petani padi:

Bil.	Insentif	Kadar (RM/hektar)
1.	Insentif Bajakan	160.00
2.	Insentif Penuaian	50.00
3.	Subsidi Baja	300.00
4.	Subsidi Racun	220.00
Jumlah Keseluruhan		730.00

- (c) Selain itu, bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman petani terhadap kepentingan kawalan awal rumpai, sebanyak 12 siri kempen dan taklimat kawalan rumpai, perosak dan penyakit telah dijalankan sepanjang tahun 2025. Bagi memperkukuh sistem amaran awal di lapangan, sebanyak enam (6) bendera kuning tanda amaran turut dinaikkan di lokasi bancian perosak dan penyakit di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Seberang Perai Utara (SPU) sebagai isyarat kepada petani untuk melaksanakan tindakan kawalan segera.

Selain itu, petak demonstrasi penanaman mengikut kaedah *Rice Check* turut dilaksanakan di Daerah SPU pada Musim 2/2025 melibatkan keluasan empat (4) hektar bagi memberi panduan praktikal kepada petani dalam mengaplikasi amalan agronomi terbaik di peringkat ladang. Bagi menjamin hasil padi yang optimum, DOA Negeri Pulau Pinang sentiasa menekankan kepatuhan petani terhadap amalan *Rice Check* sebagai panduan penting dalam pengurusan tanaman padi secara menyeluruh. Pematuhan terhadap *Rice Check* membantu memastikan pertumbuhan padi yang sihat dan sekata, seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti hasil. Dalam konteks kawalan keladi agas, pelaksanaan *Rice Check* amat relevan kerana ia menekankan aspek penyediaan infrastruktur, pengurusan tanah serta kawalan rumpai dan perosak secara bersepadu.

Melalui *Rice Check* 2, penekanan diberikan kepada keperluan memastikan infrastruktur sawah berada dalam keadaan baik, termasuk sistem pengairan, saluran serta struktur kawalan air yang berfungsi sempurna bagi mengelakkan air bertakung dan mengurangkan peluang pertumbuhan rumpai. Seterusnya, berdasarkan syor MARDI semasa *Rice Check* 3, tanah perlu dilakukan pembajakan sebanyak tiga (3) kali untuk membalikkan serta melumatkan tanah di samping penggunaan racun *Glufosinate Ammonium* (GA) atau *Glyphosate* bagi membunuh benih rumpai yang masih tertinggal.

Pada *Rice Check* 7 (Pengurusan Perosak Bersepadu), petani disarankan menggunakan racun pra-cambah seperti *Pretilachlor* selepas peringkat menabur iaitu pada hari 0 hingga hari 3 Hari Lepas Tabur (HLT). Seterusnya racun lepas

tabur digunakan pada peringkat 14 hingga 21 HLT seperti *Bispyribac-sodium*, *Pyrazosulfuron*, *Bentazon + MCPA* atau *Florpyrauxifen + Cyhalofop* bergantung kepada kesesuaian. Sekiranya kawalan masih tidak berkesan, racun rumpai daun lebar boleh digunakan sebelum 30 HLT, manakala selepas 40 HLT, kawalan manual disarankan bagi mengelakkan kesan negatif terhadap tanaman.

Selain amalan *Rice Check*, DOA Negeri Pulau Pinang turut melaksanakan pelbagai langkah kawalan dan pencegahan bersepadu di peringkat ladang, termasuk pembajakan dan pembalikan tanah, penggunaan racun pra-rawat (pre-emergent herbicide) seperti *bensulfuron-methyl* atau *penoxsulam*, serta kawalan manual dan mekanikal menggunakan *rotavator* dan *weeder*. Petani juga digalakkan menggunakan benih sah dan berkualiti tinggi, mengekalkan paras air sawah antara 5cm hingga 10cm, serta menanam pada jarak yang disyorkan bagi mengekang pertumbuhan rumpai daun lebar seperti keladi agas.

Dari sudut pengurusan strategik, pelaksanaan program kawalan mengikut pakej teknologi MARDI di dua (2) daerah utama pengeluaran padi telah menunjukkan keberkesanan berdasarkan pendekatan saintifik dan berasaskan data lapangan. Usaha ini disokong dengan pemantauan ladang secara berkala setiap dua (2) hingga tiga (3) minggu bagi mengenal pasti kawasan berisiko tinggi dan memastikan tindakan segera dapat diambil.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan pelbagai langkah teknikal, agronomi, dan strategik ini mencerminkan komitmen tinggi Kerajaan Negeri dalam memastikan rumpai keladi agas dapat dikawal secara berkesan, sekali gus meningkatkan hasil padi negeri secara mampan melalui pendekatan yang sistematik, saintifik dan kolaboratif bersama komuniti petani.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

20. Senaraikan jumlah kawasan keseluruhan sawah padi di daerah SPU mengikut DUN serta hasil keluaran sejak 2020 sehingga kini.
- (a) Berapakah keluasan tanah sawah yang tidak diusahakan?
 - (b) Apakah sebab utama tanah itu tidak diusahakan?
 - (c) Senaraikan tanah sawah yang telah ditukar hak milik serta telah ditimbus di daerah SPU mengikut DUN.

YB FAHMI BIN ZAINOL

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

20. Senarai kawasan sawah padi di daerah Seberang Perai Utara (SPU) mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala hasil keluaran sejak tahun 2020 sehingga 2024 di Daerah SPU adalah seperti yang berikut:

TAHUN	DAERAH SEBERANG PERAI UTARA (tan metrik)
2020	4,877.5
2021	5,633.0
2022	5,136.0
2023	5,116.5

TAHUN	DAERAH SEBERANG PERAI UTARA (tan metrik)
2024	5,006.0
JUMLAH	25,769.0

- (a) Berdasarkan data tahun 2025, keluasan keseluruhan Pasel Padi di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 12,218.08 hektar yang terdiri daripada tiga (3) kategori utama iaitu Pasel Padi Aktif (PA), Pasel Terbiar (PT) dan Pasel Pelbagai (PP). Pasel Padi Aktif (PA) merujuk kepada kawasan sawah yang ditanam padi pada musim utama dan luar musim dengan mencatatkan keluasan semasa sebanyak 11,858 hektar. Pasel Terbiar (PT) pula merupakan kawasan sawah yang tidak diusahakan (menerung atau menjadi semak) dalam tempoh kurang daripada tiga (3) tahun atau lima (5) musim berturut-turut dengan keluasan sebanyak 177.24 hektar. Sementara itu, Pasel Pelbagai (PP) ialah kawasan sawah yang telah ditukar kepada tanaman kontan atau tanaman lain ber keluasan 182.84 hektar. Daerah SPU merupakan kawasan utama penanaman padi dengan keluasan Pasel Padi Aktif (PA) sebanyak 8,004.12 hektar, Pasel Terbiar (PT) seluas 126.02 hektar, dan Pasel Pelbagai (PP) seluas 132.11 hektar.
- (b) Faktor utama kawasan padi tidak diusahakan di Negeri Pulau Pinang adalah disebabkan oleh faktor ekonomi, teknikal dan sosial yang saling berkait. Secara umumnya, peningkatan kos pengeluaran seperti harga baja, racun dan upah buruh menyebabkan sebahagian pesawah tidak mampu menanggung perbelanjaan penanaman terutamanya bagi kawasan sawah padi berskala kecil. Di samping itu, kekurangan tenaga kerja serta minat generasi muda untuk mengusahakan sawah turut menyumbang kepada peningkatan kawasan terbiar memandangkan ramai pesawah sedia ada berada dalam kategori usia lanjut.

Masalah infrastruktur pengairan dan saluran yang tidak berfungsi dengan baik juga menjadi antara punca utama khususnya di kawasan yang mudah ditenggelami air atau tidak mendapat bekalan air mencukupi pada musim

tertentu. Selain itu, kemerebakan rumpai seperti keladi agas (*Monochoria vaginalis*) serta serangan penyakit dan perosak turut mengurangkan minat pesawah untuk menanam semula selepas mengalami kerugian.

Dari sudut pengurusan tanah pula, terdapat kawasan yang bermasalah dari segi hak milik dan pewarisan menyebabkan ia tidak dapat diusahakan dengan baik. Sebahagian sawah juga telah ditukar guna kepada tanaman kontan, dusun atau kawasan penanaman padi aktif di negeri ini.

- (c) Jumlah hak milik tanah berkategori padi paya / padi sawah adalah sebanyak 4,578 hak milik. Berdasarkan jumlah tersebut, bilangan hak milik yang telah dilaksanakan urusan Pindah Milik Tanah (PMT) adalah sebanyak 2,674 hak milik.

Selain itu, Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang telah menerima 11 permohonan daripada pemilik tanah untuk menukar status guna tanah sawah kepada tujuan pembinaan kediaman di Daerah SPU bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025. Permohonan tersebut melibatkan tiga (3) Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) iaitu Penaga, Sungai Dua dan Pinang Tunggal.

KADUN Penaga merekodkan empat (4) permohonan melibatkan keluasan 1.6164 hektar dengan 0.1176 hektar telah ditambah sebelum permohonan dibuat. KADUN Sungai Dua pula menerima dua (2) permohonan melibatkan keluasan 0.5965 hektar di mana 0.2329 hektar telah ditambah lebih awal. Sementara itu, KADUN Pinang Tunggal mencatat lima (5) permohonan dengan keluasan 2.7194 hektar dan 0.8202 hektar daripadanya telah ditambah sebelum permohonan dikemukakan. Secara keseluruhan, jumlah keseluruhan keluasan tanah yang terlibat dalam permohonan tersebut adalah 4.9323 hektar dengan 1.1707 hektar telah ditambah terlebih dahulu sebelum proses permohonan dilakukan.

Sehubungan dengan itu, DOA Negeri Pulau Pinang tidak pernah memberikan sokongan terhadap sebarang permohonan pertukaran status guna tanah sawah kepada

kategori lain khususnya bagi tujuan pembangunan kediaman. Hal ini kerana aktiviti penambakan dan penukaran guna tanah sawah boleh menjejaskan fungsi kawasan jelapang serta menyebabkan pengecilan keluasan kawasan penanaman padi sekaligus memberi kesan langsung terhadap pengurangan hasil pengeluaran padi Negeri Pulau Pinang dalam jangka panjang.

LAMPIRAN A

SENARAI KAWASAN SAWAH PADI DI DAERAH SEBERANG PERAI UTARA (SPU) MENGIKUT KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (KADUN)

NAMA UNIT KELUASAN TIRUAN (UKT)	KADUN	KELUASAN PASEL PADI (hektar)
Air Melintas	Permatang Berangan	173.9777
Kacang Puri	Permatang Berangan	11.2096
Pokok Jenerih	Pinang Tunggal	77.0161
M1A	Penaga	529.9881
M1B	Penaga	759.2022
M2	Penaga	685.4569
M3A	Penaga	703.5686
M3B	Penaga	484.5463
M4	Bertam	318.8543
M5A	Sungai Dua/Telok Air Tawar	350.9362
M5B	Sungai Dua/Telok Air Tawar	398.0167
M5C	Sungai Dua	580.5412
M5D	Permatang Berangan/ Telok Air Tawar	387.7326
M6	Permatang Berangan	813.7247
P1A	Pinang Tunggal	238.6806
P1B	Pinang Tunggal	258.0225
P2	Pinang Tunggal	684.3270
Padang Menora	Permatang Berangan	208.5734
Pokok Tampang/Padang Cempedak	Permatang Berangan	339.7437
JUMLAH KELUASAN		8,004.1183

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

21. Senaraikan kelulusan permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan di MBSP dari tahun 2022 hingga kini bagi daerah SPU mengikut DUN.
- (a) Senaraikan KM yang ditolak dan nyatakan sebab-sebabnya.
 - (b) Senaraikan permohonan perlingkungan semula daripada pertanian kepada pembangunan dari tahun 2022 hingga kini bagi daerah SPU.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Senarai kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB) di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sejak tahun 2022 sehingga Oktober 2025 mengikut DUN bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU) adalah seperti di **LAMPIRAN A**. (Sila imbas kod QR untuk **LAMPIRAN A**).
- (a) Senarai PKM yang ditolak berserta sebab adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (b) Senarai permohonan perlingkungan semula daripada pertanian kepada pembangunan sejak tahun 2022 sehingga Oktober 2025 bagi Daerah SPU adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A



LAMPIRAN B

**SENARAI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (PKM) YANG
DITOLAK DAN SEBAB DITOLAK DARI TAHUN 2022-2025**

Bil	Permohonan	Pemaju	No. Ruj Fail	Tarikh OSC Lulus	Sebab PKM Ditolak
1	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat</p> <p>Di Atas Sebahagian Lot 20224, Mukim 4, Seberang Perai Utara</p> <p>Untuk Tetuan: Amazon Advance Products Sdn. Bhd. (5.520266, 100.382416)</p>	Amazon Advance Products Sdn. Bhd	MBSP/70/39-9/33(10A)	24 Oktober 2024	Ciri-ciri bangunan adalah tidak bercirikan rumah sesebuah
2	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Pembangunan Yang Mengandungi :-</p> <p>i) Plot A : a) 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan 34 Tingkat (215 Unit)</p> <p>ii) Plot B a) 1 Blok Pangsapuri Perkhidmatan 34 Tingkat (215 Unit)</p> <p>iii) Plot C a) 1 Blok Komersial 10 Tingkat Beserta Tempat Letak Kereta Mekanikal</p> <p>iv) Plot D</p>	Prominent Development (M) Sdn Bhd	MBSP/70/39-24/58(58A)	21 Julai 2022	Tidak mematuhi jarak selamat yang ditetapkan oleh JAS sebanyak 300 meter dari Depo Shell

Bil	Permohonan	Pemaju	No. Ruj Fail	Tarikh OSC Lulus	Sebab PKM Ditolak
	<p>a) 2 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat</p> <p>Di Atas Lot 379, 381, 382, 384, 1704, 1707, 1708, 1709, 1710, 1713 (Lot Baru 2713), 20079 Dan 20063 (Pt 714) Jalan Bagan Luar, Seksyen 4, Seberang Perai Utara.</p> <p>Untuk Tetuan: Prominent Development (M) Sdn Bhd (5.398450, 100.367333)</p>				
3	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Binaan Tanpa Kebenaran 1 Unit Kedai Dan Pejabat Setingkat Sediada</p> <p>Di Atas Lot 71 & 72, Seksyen 1, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang</p> <p>Untuk Tetuan: Brazilian Food Industries Sdn. Bhd. (5.434606, 100.380105)</p>	Brazilian Food Industries Sdn. Bhd	MBSP/70/39-21/41(9A)	23 November 2022	<p>1. Pejabat Tanah dan Daerah tidak menyokong Permohonan ini kerana rekod pemilikan dalam haklimik tanah mendapati Goh Thian Sin bukan tuan tanah berdaftar dan merujuk Seksyen 60, Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97) dan peraturan-peraturan, Permohonan perlu mendapatkan perintah daripada Mahkamah Tinggi terlebih dahulu untuk sebarang Tindakan termasuk cadangan kebenaran merancang ini.</p> <p>2. Jabatan teknikal seperti JKR, SKMM, JAS, Jabatan Kejuruteraan MBSP, Jabatan Perkhidmatan</p>

Bil	Permohonan	Pemaju	No. Ruj Fail	Tarikh OSC Lulus	Sebab PKM Ditolak
					<p>Perbandaran MBSP tidak menyokong Permohonan ini.</p> <p>3. Pihak pemaju menyediakan tempat letak kenderaan di atas cadangan jalan susur 50 kaki yang perlu dikosongkan untuk penyelarasan Pembangunan persekitaran.</p> <p>4. Pihak pemaju tidak menyediakan laluan yang sah berkelebaran minimum 20 kaki kepada lot 74.</p> <p>5. Pihak pemaju tidak menyediakan anjakan hadapan 20 kaki, tepi dan belakang 10 kaki dari sempadan lot.</p>
4	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina 1 Unit Bangunan Perniagaan (Ruang Pameran) 2 Tingkat</p> <p>Di Atas Lot 3475, Jalan Pangsapuri Emas, Seksyen 1, Bandar Butterworth, SPU.</p> <p>Untuk Tetuan: Airmas Venture Sdn. Bhd (5.429073,100.382636)</p>	Airmas Venture Sdn. Bhd	MBSP/70/39-21/24B.2(9A)	27 Mac 2025	Bercanggah dengan kelulusan pelan pecahan sempadan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri lot 3475 (plot 23) no Hakmilik geran 43210 sek.1 SPU, seluas 359mps bagi depo sampah dan tangki najis hendaklah dipinda milik kepada MBSP

Bil	Permohonan	Pemaju	No. Ruj Fail	Tarikh OSC Lulus	Sebab PKM Ditolak
5	<p>Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Tambahan Dan Pindaan Sebuah Rumah Banglo 2 1/2 Tingkat Sediada Kepada 4 Tingkat No.7475</p> <p>Di Atas Lot 88, Jalan Yeok Keow, Seksyen 2, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara.</p> <p>Untuk Tetuan: En. Salamudeen Ali Bin Jamal Muhammed (566.5 Meter Persegi)</p>	Salamudeen Ali Bin Jamal Muhammed	MBSP/70/39-22/34(7A)	10 Julai 2025	Laluan sedia ada yang kecil dan tidak mencukupi keperluan minima 20 kaki serta garis panduan yang ditetapkan oleh MBSP, tambahan bagi bangunan rumah sesebuah di kawasan seberang perai hanya dibenarkan dengan ketinggian 3 tingkat sahaja

LAMPIRAN C

PERMOHONAN PERLINGKUNGAN SEMULA DARIPADA PERTANIAN KEPADA PEMBANGUNAN SEJAK TAHUN 2022 SEHINGGA OKTOBER 2025 BAGI DAERAH SEBERANG PERAI UTARA (SPU)

TAHUN 2022

Bil	Perkara	Status
1	Mujur Sinar Jaya Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
2	Thai Leong Rubber Factory Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
3	Tan Mooi Ching	Lulus Bersyarat

TAHUN 2023

Bil	Perkara	Status
1	Lee Tiang Heng	Lulus Bersyarat
2	Boustead Properties	Tolak
3	Dayang Gemilang 1	Lulus Bersyarat
4	Dayang Gemilang 2	Lulus Bersyarat
5	Dayang Gemilang 3	Lulus Bersyarat
6	Encik Amran	Lulus Bersyarat
7	Harapan Murni Development	Lulus Bersyarat
8	Modal Cergas Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
9	Pavilion Everise Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
10	PERDA 1	Lulus Bersyarat
11	PERDA 2	Lulus Bersyarat
12	PLB Land Sdn Bhd	Tolak
13	Quantumo Engineering	Lulus Bersyarat
14	Tiong Min Const. Sdn Bhd	Lulus Bersyarat

TAHUN 2024

Bil	Perkara	Status
1	Allied Uniworld Sdn Bhd	Tolak
2	Ath Development Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
3	Bw Heap Trading Sdn Bhd 1	Lulus Bersyarat
4	Bw Heap Trading Sdn Bhd 2	Tolak
5	Lee Chia Wen	Lulus Bersyarat
6	Pavilion Everise	Lulus Bersyarat
7	Perda Venture Incorporated Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
8	S H Wood Product	Lulus Bersyarat
9	Tan Lay Huat	Tolak
10	Tiou Song Meng	Lulus Bersyarat
11	Yoma Furniture	Lulus Bersyarat

TAHUN 2025

Bil	Perkara	Status
1	ABH Mega Sdn Bhd	Tolak
2	Amazon Marketing Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
3	Bw Heap Trading	Tolak
4	Chuah Khai Huat	Lulus Bersyarat
5	Dayang Gemilang	Lulus Bersyarat
6	Eco Lava Marketing	Lulus Bersyarat
7	Golden Leaves Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
8	Karkim Frozen Sdn Bhd	Tolak
9	Kean Boon Const. Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
10	Lee Phek Kheng	Lulus Bersyarat
11	Lo Hee Lye	Lulus Bersyarat
12	Low Shun Hang -Lulus	Lulus Bersyarat
13	Pavilion Infrastruture Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
14	Sia Tek Kuang	Tolak
15	SP Berkat Agro Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
16	Spirit Of Perai	Lulus Bersyarat
17	Tan Sew Mee -Lulus	Lulus Bersyarat
18	Telaga Raya	Tolak
19	Teoh Ching Ten	Lulus Bersyarat
20	Thai Heng Development Sdn Bhd	Lulus Bersyarat
21	Xing Shun Marketing	Lulus Bersyarat

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

22. Apakah status pembinaan Klinik Kesihatan (KK) di DUN Pinang Tunggal memandangkan jumlah penduduk semakin ramai?
- (a) Nyatakan statistik jumlah pesakit di KK Kepala Batas dan KK Tasek Gelugor dari tahun 2020 sehingga kini.
 - (b) Adakah ia mampu menampung keperluan pesakit terkini?

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Bagi status pembinaan Klinik Kesihatan di Pinang Tunggal, di kawasan tersebut tiada tanah yang sesuai untuk dibina Klinik Kesihatan. Namun, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) pernah dan sedang memohon untuk membina Klinik Kesihatan Bertam yang turut meliputi sebahagian kawasan Pinang Tunggal memandangkan peningkatan jumlah penduduk dan pembangunan pesat di Kawasan tersebut.

Klinik Kesihatan Bertam ini dicadang untuk dibina bersebelahan Institut Latihan Kemeterian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Bertam dan merupakan Klinik Kesihatan Jenis 1 yang boleh menampung lebih 800 pesakit sehari. Pembinaan klinik ini dimohon dalam RMKe-13.

- (a) Statistik jumlah pesakit di Klinik Kesihatan Kepala Batas dan Klinik Kesihatan Tasek Gelugor dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pesakit Di Klinik Kesihatan Kepala Batas	Jumlah Pesakit Di Klinik Kesihatan Tasek Gelugor
2020	158,297	99,067
2021	190,016	101,358
2022	180,879	131,911
2023	228,708	197,835
2024	212,761	220,934
2025 (Sehingga Oktober)	193,600	176,519

- (b) Sehingga kini, kedua-dua Klinik Kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Kepala Batas dan Klinik Kesihatan Tasek Gelugor masih mampu menampung keperluan pesakit.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

23. Bagaimana kerajaan mengawal pekerja asing yang bekerja di tapak pembinaan Penang Technology Park (PTP)?
- (a) Senaraikan jumlah kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan.
 - (b) Berapakah jumlah terkini warga asing? Senaraikan mengikut kewarganegaraan dan penempatan mereka.
 - (c) Berapakah kes kecurian, pergaduhan serta jenayah yang membabitkan warga asing direkodkan setakat ini?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya memandang serius terhadap isu pekerja asing yang semakin berleluasa terutamanya di tapak pembinaan Penang Technology Park (PTP). Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pulau Pinang (JKKPPP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) mengambil tindakan seperti berikut:
- (i) Memantau status dan permit kerja warga asing bagi memastikan semua pekerja asing yang bekerja di negara ini mempunyai dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah;

- (ii) Melaksanakan operasi bersepadu di tapak pembinaan iaitu oleh pihak JIM, JTKSM dan CIDB bagi memastikan tenaga kerja sah dan mematuhi undang-undang;
- (iii) Menahan dan mendakwa pekerja asing tanpa izin (PATI) serta majikan yang menggajikan mereka tanpa kebenaran;
- (iv) Mewajibkan semua pekerja di PTP mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang sah dan majikan berlesen di bawah Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx); dan
- (v) Memastikan semua pekerja (termasuk warga asing) berdaftar dan mempunyai Kad Hijau CIDB sebagai bukti latihan keselamatan asas (Construction Safety Induction Course).
 - (a) Senarai kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Berdasarkan semakan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) bersama pihak JIM dan JTKSM, kedua-dua jabatan tersebut tiada data jumlah keseluruhan pekerja asing mengikut kewarganegaraan di kawasan PTP. Walau bagaimanapun, hasil semakan lanjut bersama pihak pemaju mendapati seramai 192 orang pekerja asing yang sedang bekerja di bawah kontraktor utama yang terdiri daripada warganegara Bangladesh, Myanmar, Nepal dan Indonesia. Kesemua warga asing yang bekerja di tapak pembinaan PTP tinggal di dalam kabin pekerja yang disediakan di kawasan tapak pembinaan tersebut.
 - (c) Setakat 31 Oktober 2025, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengesahkan bahawa terdapat satu (1) kes kecurian motosikal di kawasan PTP dilaporkan. Walau bagaimanapun, tiada kes jenayah lain yang dilaporkan di kawasan tersebut.

LAMPIRAN A

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN PENANG TECHNOLOGY PARK (PTP) YANG DALAM PEMBINAAN

BIL.	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG B (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
1.	MUJUR SINARJAYA SDN. BHD.	<p>CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI RINGAN YANG MENGANUNGI :</p> <p>A. 88 UNIT INDUSTRI SETINGKAT DENGAN PEJABAT SETINGKAT,</p> <p>TINGKAT BAWAH (ARAS 1) DENGAN PEJABAT SETINGKAT, TINGKAT 1 (ARAS 2)</p> <p>I) 1 UNIT SESEBUAH - JENIS A</p> <p>II) 1 UNIT SESEBUAH - JENIS B</p> <p>III) 1 UNIT SESEBUAH - JENIS C</p> <p>IV) 1 UNIT SESEBUAH - JENIS D</p>	19.12.2024	04.09.2025

BIL	PEMOTIVAN	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
		V) 1 UNIT SESEBUAH - JENIS E VI) 1 UNIT SESEBUAH - JENIS F VII) 24 UNIT BERKEMBAR - JENIS A VIII) 14 UNIT BERKEMBAR - JENIS B IX) 4 UNIT BERKEMBAR - JENIS C X) 40 UNIT KLASTER B. 3 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB C. 9 UNIT COMPACT SUB TNB D. 1 UNIT PYLON E. 2 UNIT PLOT KMH(INDUSTRI) F. 1 UNIT PINTU GERBANG		

BIL.	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG E (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
		DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 11454 (PLOT 39, 40, 41, 42) MUKIM 3, PERSIARAN PERINDUSTRIAN BERTAM PERDANA, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.		
2.	SUPERSIC (MALAYSIA) SDN. BHD.	<p>CADANGAN PEMBANGUNAN FASA 1 YANG MENGANDUNGI :</p> <p>A) 1 BLOK BANGUNAN KILANG 3 TINGKAT TERMASUK PEJABAT DI TINGKAT BAWAH DAN TINGKAT MEZANIN</p> <p>B) 1 BLOK BANGUNAN M&E 3 TINGKAT TERMASUK 1 TINGKAT MEZANIN DAN TEMPAT LETAK KERETA DI PARAS DUA & PARAS BUMBUNG</p> <p>C) 1 BLOK BANGUNAN PONDOK PENGAWAL 1 TINGKAT</p> <p>D) 1 BLOK PENCAWANG ELEKTRIK 2 TINGKAT</p> <p>E) 2 UNIT TANGKI BOMBA DAN 1 UNIT TANGKI AIR SUCTION</p> <p>F) 3 UNIT TANGKI AIR PROSES</p>	11.9.2025	09.07.2025

BIL.	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG B (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
		<p>DI ATAS LOT 21444, 21457 DAN SEBAHAGIAN LOT 21458, JALAN TEKNOLOGI 21, PENANG TEKNOLOGI PARK, MUKIM 3, KEPALA BATAS, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p>		
3.	<p>INV NEW MATERIAL TECHNOLOGY (M) SDN. BHD.</p>	<p>FASA 3</p> <p>A) 1 UNIT GUDANG 2 TINGKAT (CENTRAL WAREHOUSE)</p> <p>B) 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 2 TINGKAT (CENTRAL UTILITI BUILDING)</p> <p>C) 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT (BOILER ROOM)</p> <p>D) 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT (RECOVERY ROOM)</p>	8.8.2024	24.06.2024

BIL.	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG B (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
		<p>E) 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT (TANK FARM)</p> <p>F) 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT (WHITE OIL RECYCLING TREATMENT WORKSHOP)</p> <p>G) 1 UNIT BANGUNAN UTILITI 1 TINGKAT (GAS STATION) FASA 5</p> <p>A) 1 UNIT GUDANG 2 TINGKAT (HARDWARE & WET PROCESS RAW MATERIAL WAREHOUSE)</p> <p>B) 1 UNIT GUDANG 1 TINGKAT (SOLID WASTE & HAZARDOUS WASTE WAREHOUSE)</p> <p>FASA 6</p> <p>A) 1 UNIT KILANG 2 TINGKAT TERMASUK 1 TINGKAT MEZANIN (COATING WORKSHOP 2)</p>		

BIL.	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG B (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
		<p>B) 1 UNIT KILANG BESERTA GUDANG 1 TINGKAT (STEREO WAREHOUSE & WET PROCESS WORKSHOP 2)</p> <p>DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 12453 (PLOT 138) PERSIARAN PERINDUSTRIAN BERTAM PERDANA - LEBUH BERTAM PERDANA, MUKIM 6, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p>		
4.	KMS MANUFACTORY SDN. BHD.	<p>CADANGAN PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI :</p> <p>A)1 UNIT KILANG 1 TINGKAT DAN PEJABAT 2 TINGKAT B)1 UNIT PONDOK PENGAWAL 1 TINGKAT C)1 UNIT BILIK PAM 1 TINGKAT D)TANGKI BOMBA E)1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB JENIS PADAT</p> <p>DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 12453 DAN LOT 255 (PELOT 145), PERSIARAN PERINDUSTRIAN BERTAM PERDANA - LEBUH BERTAM PERDANA, KEPALA BATAS, MUKIM 6, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p>	10.7.2024	11.07.2024

BIL.	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG B (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
5.	TRENOR ELECTRONICS SDN. BHD	<p>CADANGAN PEMBANGUNAN TERDIRI DARIPADA :</p> <p>A) 1 UNIT KILANG 4 TINGKAT YANG MENGANDUNGI</p> <p>i) RUANG PRODUKSI - TINGKAT BAWAH DAN TINGKAT 1</p> <p>ii) PEJABAT - TINGKAT 2</p> <p>iii) GUDANG - TINGKAT 2 & 3</p> <p>B) 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK 11KV 1 TINGKAT</p> <p>C) 1 UNIT RUMAH PAM 1 TINGKAT TERMASUK TANGKI AIR BAWAH TANAH</p> <p>D) 1 UNIT PONDOK PENGAWAL 1 TINGKAT TERMASUK TANGKI AIR BAWAH</p> <p>E) 1 UNIT KEBUK SAMPAH 1 TINGKAT</p> <p>DI ATAS PLOT 1-148 & 1-149 (SEBAHAGIAN LOT 12453), JALAN TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR, MUKIM 06, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p>	27.2.2025	31.12.2024
6.	PENTAMETAL SYSTEMS SDN. BHD.	<p>CADANGAN PEMBANGUNAN 1 UNIT KILANG SETINGKAT YANG MENGANDUNGI :</p>	27.2.2025	03.06.2025

BIL.	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG B: (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
		<p>FASA 1</p> <p>A) RUANG PRODUKSI 1</p> <p>B) PEJABAT 3 TINGKAT</p> <p>C) 2 UNIT PONDOK PENGAWAL</p> <p>D) 1 UNIT RUMAH PAM</p> <p>FASA 2</p> <p>A) RUANG PRODUKSI 2 & 3</p> <p>DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 12453 (PELOT 158, 159 & 160), PERSIARAN PERINDUSTRIAN BERTAM PERDANA - LEBUH BERTAM PERDANA, KEPALA BATAS, MUKIM 6, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p>		
7.	CHOP CHIN HUAT SDN. BHD.	<p>CADANGAN PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI :</p> <p>A) 1 UNIT GUDANG 1 TINGKAT BERSERTA DAN PEJABAT DI TINGKAT MEZZANIN</p> <p>B) 1 UNIT PONDOK PENGAWAL 1 TINGKAT</p> <p>C) 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK TNB JENIS SINGLE CHAMBER</p>	10.7.2025	03.06.2025

BIL.	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG B (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
		<p>D) 1 UNIT DEPO SAMPAH E) 1 UNIT BILIK PAM</p> <p>DI ATAS PLOT 143 DAN 144 (SEBAHAGIAN LOT 12453), PERSIARAN PERINDUSTRIAN BERTAM PERDANA - LEBUH BERTAM PERDANA, KEPALA BATAS, MUKIM 6, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p>		
8.	ONETEST SDN. BHD.	<p>CADANGAN PEMBANGUNAN YANG TERDIRI DARIPADA :</p> <p>A) 1 UNIT KILANG 4 TINGKAT YANG MENGANUNGI :</p> <p>I) PRODUKSI - TINGKAT BAWAH, TINGKAT 1, & 3 II) PEJABAT & KANTIN - TINGKAT 1 III) GUDANG - TINGKAT BAWAH & TINGKAT 1 IV) M&E UTILITI - TINGKAT BAWAH TANAH, TINGKAT BAWAH, TINGKAT 1, 2 & 3 V) TEMPAT LETAK KERETA - TINGKAT 3</p> <p>B) 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK 11 KV 1 TINGKAT C) 1 UNIT RUMAH PAM 1 TINGKAT TERMASUK TANGKI AIR BAWAH TANAH D) 1 UNIT FCC 1 TINGKAT</p>	Dalam Proses (Tarikh Permohonan 23/10/2025)	Belum Dikemukakan Borang B

BIL.	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	TARIKH LULUS PELAN BANGUNAN	BORANG B (PERINGKAT MULA KERJA DI TAPAK)
		<p>E) 1 UNIT PONDOK PENGAWAL 1 TINGKAT F) 1 UNIT KEBUK SAMPAH 1 TINGKAT</p> <p>DI ATAS LOT 26727 HSD 46057, LOT 26728 HSD 46058 DAN LOT 26729 HSD 46059, MUKIM 06, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</p>		
9.	KEE LIN TRADING SDN. BHD.	CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT KILANG 1 TINGKAT DENGAN PEJABAT 2 TINGKAT DI ATAS LOT 26643 (LOT ASAL 12453), JALAN MEKAR SARI 1, MUKIM 6, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.	Dalam Proses (Tarikh Permohonan 7/10/2025)	Belum Dikemukakan Borang B

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XVII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

24. Senaraikan masjid dan surau yang terdapat di DUN Pinang Tunggal berserta pengerusi dan AJK terkini.
- (a) Bagaimanakah penilaian prestasi dilakukan terhadap pengurusan masjid dan surau?
 - (b) Senaraikan peruntukan Kerajaan Negeri kepada setiap masjid dan surau di atas sejak tahun 2022 sehingga kini.
 - (c) Nyatakan status Masjid Bandar Putra Bertam.

